



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 28 DISEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24. 25. 26. 27. 28. 29. 30.	TIDAK TERAGAK GANTUNG AP DAGING IMPORT, NASIONAL, HAKAKAH -H6 DOUBLE CHECK HALAL PRODUCTS, CONSUMERS TOLD, NATION, THE STAR -8 DAGING SEJUK BEKU DI TERENGGANU HALAL DIMAKAN, SAHARUDDIN, KONSUMER, HAKAKAH -H21 SELUDUP WAGYU DALAM KONTENA BABI, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -1 SELUDUP WAGYU DALAM KONTENAN BABI, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -2 KASTAM TIDAK AKAN BERKOMPROMI, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -3 FUZIAH CABAR KERAJAAN BURU DALANG SELUDUP DAGING SEJUK BEKU, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -3 POLIS JOHOR TERIMA 15 LAPORAN, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -3 JMM PERAK BUAT EMPAT LAPORAN POLIS, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -3 SIJIL HALAL DISIPLAK, KATA AHMAD MARZUK, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -4 KARTEL DAGING WUJUD ZAMAN PH: NAJIB, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -4 STATUS HALAL DAGING ALLANA DIJAGA RAPI, NAJIB, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -4 DAGING IMPORT RAMLY BURGER HALAL, DIPANTAU JAKIM, NAJIB, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -4 PENIAGA MAKANAN AKUI BIMBING, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -5 PEMUDA UMNO MAHU KERAJAAN DEDAH SYARIKAT SELUDUP DAGING, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SH -5 USAH LINDUNGI ORANG KENAMAAN, DALAM NEGERI, UM -10 DEDAHKAN JENAMA LOGO HALAL PALSU, DALAM NEGERI, UM -10 SENSITIF TERHADAP SUMBER PRODUK, DALAM NEGERI, UM -10 TUBUH PASUKAN SIASATAN KHAS, DEDAH DALANG, MUKA DEPAN, BH -1 KERAJAAN DIGESA SEGERA BERTINDAK, MUKA DUA, BH -2 INTEGRITI JAKIM DIPERSOAL JIKA KES TIDAK DITANGANI, NASIONAL, BH -3 'SIASATAN AMBIL MASA SEBELUM PENDAKWAAN DILAKUKAN', NASIONAL, BH -3 DPMJ JOHOR DESAK DEDAH JENAMA PRODUK, NASIONAL, BH -3 GESA SPRM SIASAT DALANG KARTEL DAGING, NASIONAL, HAKAKAH -H7 HENTI ULAS KES DAGING SELUDUP, NASIONAL, HAKAKAH -H8 TAKE ACTION, NO COVER-UPS, MUKA DEPAN, NST -1 JOHOR COPS GET 15 REPORTS ON 'MEAT CARTEL', NEWS STROY OF THE DAY, NST -2 INVESTIGATION COMPLEX, WILL TAKE A LONG TIME, SAYS MINISTER, STORY OF THE DAY, NST -3 'DON'T PROTECT THOSE INVOLVED IN SCANDAL', STORY OF THE DAY, NST -3 'FIRMS COPIED HALAL ISSUED BY JAKIM', STORY OF THE DAY, NST -3	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
31. 32. 33. 34. 35. 36.	'DURIAN TUSSELE WON'T AFFECT PRODUCTION', NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3 ISU PEKEBUN D RAUB TIDAK JEJASKAN PENGELUARAN DURIAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE DEPUTY AGRICULTURE MINISTER: DURIAN DISPUTE DOES NOT AFFECT EXPORTS, NATION, SIN CHEW DAILY -3 MUSANG KING DISPUTE IN RAUB DOES NOT AFFECT EXPORTS, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A4 STOK MUSANG KING MASIH ADA, NASIONAL, SH -9 'PERMINTAAN MUSANG KING TIDAK TERJEJAS', NASIONAL, BH -18	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
37. 38. 39.	DANA 100J MODENKAN BOT NELAYAN LAUT DALAM, NASIONAL, BH -18 TANGKAP IKAN GUNA RENJATAN ELETRIKM DIKESAN DI KELANTAN, NEGARA, KOSMO -18 PENGUSAHA VESSEL PERLU KAWAL AWAK-AWAK, PANTAI TIMUR, HAKAKAH -H14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

40. 41. 42.	PENGUSAHA BOT LAUT DALAM ALAMI KERUGIAN, PANTAI TIMUR, HAKAH -H14 LEBIH BANYAK SAMPAH DARIPADA KERANG, NASIONAL, BH -14 PENCEMARAN PUNCA HISUPAN SUNGAI KURANG MENDADAK, NASIONAL, BH -15	
43.	ANALISIS: NAJIS BABI SG KREH JEJAS EKONOMI PENDUDUK, ISU PENCEMARAN SG KREH, HAKAH -H25	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
44.	DODOL DESAKU PERLUAS PASARAN, EKONOMI, UM -37	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
45. 46. 47.	MPIB STRIVES TO EMPOWER PINEAPPLE SECTOR THROUGH YOUNG AGROPRENEURS, BILLINGS, THE STAR -7 GERAN PERKASA PENGELUARAN NANAS, BISNES, HM -20 LPNM GIAT PERKASA SEKTOR NANAS, BISNES SINAR, SH -31	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
48.	BENA PERANG ANCAM PESAWAH PADI, NEGARA, KOSMO -16	PERTUBUHAN PELADANG NEGERI (PPN)
49. 50. 51. 52. 53. 54. 55. 56. 57. 58. 59. 60. 61.	GIAT PENGLIBATAN BELIA DALAM PERTANIAN, NASIONAL, SH -10 KERJASAMA TARIK BELIA SERTAI INDUSTRI PERTANIAN, NASIONAL, BH -18 SARAN BELIA, SISWAZAH JADI USAHAWAN TANI, BISNES, HM -20 KITA YANG TERLEKA, SUARA SINAR, SH -16 PAS KELANTAN YAKIN PILIHAN PIMPINAN PARTI, NEGERI KELANTAN, SH -28 BANTULAH KAMI BERTANI, FORUM, UM -18 LEGA KEPUTUSAN MAHKAMAH TERHADAP 204 PEKEBUN MUSANG KING -USTAZ IDRIS, NASIONAL, HAKAH -H23 180 FIRMS USING MUSANG KING NAME, VIEWS, THE STAR -12 CEROBOH TANAH, MUKA DEPAN, HAKAH -H1 TERIMA KEPUTUSAN MAHKAMAH -PJ PAHANG, NASIONAL, HAKAH -H3 AMARAN BUAT PENCEROBOH -UMMAH PAHANG, NASIONAL, HAKAH -H3 SALAH TETAP SALAH, NASIONAL, HAKAH -H3 SEKTOR PERTANIAN NADI UTAMA RAKYAT, PERIKATAN NASIONAL, HAKAH -H18	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/12/2020	HARAKAH	NASIONAL	H6



Dato' Seri Dr Ronald Khandee

Tidak teragak gantung AP daging import

SERDANG: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan akan mengambil tindakan tegas terhadap pemegang permit import syarikat (AP) yang bersengkongkol dengan kartel daging halal palsu.

Menterinya, Dato' Seri Dr Ronald Khandee, berkata pihaknya tidak teragak-agak untuk mengantung pemberian permit AP yang di-

perolehi sekiranya didapati terlibat sama.

Malahan, beliau turut menggesa pihak berkuasa menjalankan siasatan dan mengambil tindakan segera supaya perkara seperti ini tidak berlaku di masa hadapan.

"Ya (gantung AP), kalau dibuktikan pembabit mereka. Sudah tentu tindakan akan diambil.

Jadi, terserah kepada pihak berkuasa untuk membuat tangkapan mengenai isu ini kerana ia satu isu yang tidak sepatutnya berlaku.

"Jadi pihak yang berwajib harus mengambil tindakan bagi membendung masalah ini yang tidak seharusnya berlaku.

"Ini kerana banyak agensi kerajaan terbabit tentu sekali (Kementerian Perda-

ngan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KP-DNHEP), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan sebagainya harus sama membendung masalah ini supaya tidak lagi berulang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Pertanian Digital Kebangsaan di

ibu pejabat Institut Penyelidikan Pertanian dan Kemasinian Malaysia (MARDI), Isnin lepas.

Ditanya berhubung dakwaan penglibatan anggota penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dengan gerakan itu, katanya yang tidak mengetahui mengenai hal berkenaan.

Double check halal products, consumers told

PETALING JAYA: While no arrests linked to the cartel importing meat with fake halal logos have been made in Selangor, the state government is urging consumers to double check products if they have any doubts.

State executive councillor Mohd Zawawi Ahmad Mughni said there was no guarantee that the meat was not sold in the state illegally although no arrests had been made.

He added that a special task force had been set up in October to combat the issue.

He also said the Selangor Islamic Religious Department (Jais) was working closely with other departments and enforcement agencies on the matter.

"The state government encourage

es users to be more attentive when buying products and to authenticate their halal status using smart-phones if there are any doubts.

"At the same time, they can also be our eyes and ears in combating the matter by reporting any product with fake halal logos," said Zawawi, who heads the Islamic religious affairs, consumer affairs and halal industry portfolio, in a statement yesterday.

Long-term solutions, he said, included increasing the production of local meat products as well as user awareness of the importance of the halal aspect in everyday usage.

The media recently reported on the cartel's tactic of smuggling frozen kangaroo and horse meat

from certain countries and passing it off as beef by repackaging it using the halal logo before selling it to supermarkets across Malaysia.

A raid was carried out at a warehouse in Senai, Johor, where 1,500 tonnes of frozen meat worth RM30mil were seized.

The cartel is believed to have been operating for several years.

In a statement, Entrepreneur Development and Cooperatives Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar said the meat cartel issue should serve as an eye-opener to everyone regarding the need for Malaysians to be involved in production, especially of halal food.

Malaysians were too dependent on imported agriculture products

and it was time that they got involved in the food production industry ecosystem, he said.

"We want more youth and unemployed graduates to become agripreneurs. They should open their eyes to the enormous business potential in the food production sector," he added.

On Saturday, Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Ahmad Marzuk Shaary said the Department of Islamic Development Malaysia (Jakim) would tighten the SOP for halal certification for imported goods, including meat brought in by cartels.

The move, he said, would ensure everyone, especially Muslims, could obtain halal and clean food based on Islamic rulings.

Daging sejuk beku di Terengganu halal dimakan - Saharuddin

Oleh KHAIRUL AZLAM
MOHAMAD

KUALA NERUS: Orang ramai khususnya umat Islam di Terengganu tidak perlu bimbang dengan penjualan daging sejuk beku halal di pasaran negeri ini.

Ini kerana, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesahkan bahawa daging sejuk beku yang dijual di negeri ini halal dimakan umat Islam.

Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd Kia berkata, pihaknya telah melakukan pemeriksaan ke atas semua pembekal dan peruncit daging sejuk beku di seluruh negeri ini.

Katanya, semua pembekal dan peruncit ternasuk yang terdapat di pasaran di negeri ini mempunyai tanda logo pengesahan halal diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Daging sejuk beku yang dijual di semua pasaraya dan pasar utama di Terengganu ini mempunyai logo halal, yang diiktiraf JAKIM.

"Umat Islam di negeri ini diminta tidak perlu kuatir dan kami mengesahkan bahawa semua daging sejuk beku yang dijual mempunyai logo halal diiktiraf," ujarnya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Krismas 2020, di Pasaraya PKR Bukit Tunggul, di sini, pada Rabu.

Menurutnya, pemeriksaan secara berterusan akan dilakukan ke atas semua pembekal dan peniaga yang menjual daging sejuk beku bagi memastikan tiada pemalsuan logo halal.

Harakah dimaklumkan, sejak Januari hingga Disember tahun ini sebanyak 49,777 pemeriksaan dilaku-



"HALAL" ... Saharuddin (kiri) bersama pegawai KPDNHEP melakukan pemeriksaan ke atas daging sejuk beku di sebuah Pasaraya di Kuala Nerus.



Saharuddin (dua kanan) melakukan pemeriksaan ke atas daging sejuk beku di sebuah Pasaraya di Kuala Nerus.

kan membabitkan 4,007 premis perniagaan seluruh negara.

Daripada jumlah itu, kata Saharuddin, sebanyak 569 kes atas pelbagai kesalahan dilakukan peniaga dan peruncit.

"Nilai keseluruhan ram-


ai kesalahan dilakukan peniaga adalah membabitkan Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Perlindungan Penggunaan 1999 dan Akta Cap Dagangan 2019.

Tindakan pemeriksaan dilakukan susulan menge-

nai status halal daging sejuk beku selepas pembongkaran kegiatan kartel menyeludup masuk daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina di Johor Bharu, akhir bulan lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/12/2020	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

SELUDUP WAGYU DALAM KONTENA BABI DIDEDAH



Daging wagyu yang dipercayai tidak halal dijual di negara ini.

MENYELUDUP daging wagyu yang tidak mempunyai sijil halal bersama kontena yang disyitiharkan mengandungi daging babi antara taktik dipercayai turut digunakan kartel daging import di Malaysia.

Ia didedahkan oleh seorang usahawan daging import, Mohd Hafis Khairulah yang terlibat dalam industri pengedaran daging halal wagyu dari Jepun.

Katanya, situasi itu mencetuskan kebimbangan kepada syarikat yang diusahakannya hampir empat tahun yang lalu kerana ia boleh mengakis keyakinan orang ramai khususnya orang Islam.

“Ada sindiket yang sama seperti kartel. Mereka membawa masuk daging tanpa melalui proses pensijilan halal dan (kebenaran) kastam. Modus operandi mereka ialah mengisytiharkan kontena yang dibawa. Contohnya mereka membawa daging itu dengan daging babi.”

- Usahawan daging import, Mohd Hafis Khairulah ketika ditemu oleh Sinar Harian pada Ahad.



Kastam tidak akan berkompromi 3

Tiada isu kartel daging ketika jadi PM: Najib 4

Jangan lindungi jika ada VVIP terlibat 5

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/12/2020	SINAR HARIAN	SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU	2

Seludup wagyu dalam kontena babi

Usahawan daging import halal dedah sindiket penyeludupan daging wagyu haram dari Jepun

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

BANGI

Menyeludup daging wagyu yang tidak mempunyai sijil halal bersama kontena yang diisytiharkan mengandungi daging babi antara taktik dipercayai turut digunakan kartel daging import di Malaysia.

Tindakan itu bertujuan mengaburi mata pihak berkuasa untuk membawa masuk daging haram ke Malaysia sebelum membungkus semula serta meletakkan logo halal yang tidak sah.

Perkara itu turut diakui seorang usahawan daging import, Mohd Hafis Khairulah yang terlibat dalam industri pengedaran daging halal wagyu dari Jepun sejak hampir empat tahun lalu.

"Ada sindiket yang sama seperti kartel. Mereka membawa masuk daging tanpa melalui proses pensijilan halal dan (kebeheranan) kastam."

"Modus operandi mereka ialah mengisytiharkan kontena yang dibawa. Contohnya mereka membawa daging itu dengan daging babi."

"(Kalau) Satu kontena itu boleh muat daging sehingga 15 tan, jadi lima tan mereka akan bawa (daging wagyu) yang seludup."

"Kita tidak kata kastam



Mohd Hafis ketika melawat rumah sembelihan daging wagyu di Jepun.

tidak buat kerja tapi sukar untuk mereka periksa nombor kontena yang dibawa itu (apabila isytihar daging babi tetapi di dalamnya turut mengandungi daging wagyu)," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di sini pada Ahad.

Menurutnya, siasatan yang dilakukan sendiri ke atas pembekal daging wagyu yang menjual secara dalam talian juga mendapati kebanyakan penjual tidak mempunyai sijil halal.

Mohd Hafis berkata, perkembangan itu jelas menunjukkan daging wagyu yang dibawa masuk itu tidak mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang dibenarkan oleh kerajaan atau dalam bahasa mudahnya, seludup.



MOHD HAFIS



New stock Today A5 Japan Wagyu

Antara daging wagyu tidak halal yang dijual secara dalam talian di pasaran Malaysia.



Sijil pengiktirafan asli daripada MPJA kepada syarikat Mohd Hafis.

"Ada pembekal dalam talian yang memang tidak ada sijil halal yang kita dah dapat buktikan. Bila kita tanya ada sijil halal atau tidak, dia jawab tidak ada."

"Ada individu yang kita tanya mengakui ada (sijil halal). Kononnya dia ambil (stok daging) dari rumah sembelihan di Jepun yang ada sijil halal tetapi kita tidak tahu dia bawa masuk macam sama ada dengan daging babi atau bagaimana," katanya.

Jelasnya, situasi itu mencetuskan kebimbangan besar kepada syarikat yang diusahakannya kerana ia boleh mengahakis keyakinan orang ramai khususnya orang Islam.

Sijil halal ditiru

Jelas Mohd Hafis, selaku satu-satunya syarikat pengimport daging wagyu di Malaysia yang mempunyai sijil halal loji pemprosesan produk campuran daripada Muslim Professional Japan Association (MPJA) yang diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Ja-

Tiga cadangan elak insiden daging seludup berulang:

- Syarikat harus 100 peratus bumiputera.
- Jabatan Kastam Diraja Malaysia (kastam) perlu mempunyai unit pemantau halal khusus untuk memeriksa makanan di pintu masuk negara.
- Kerajaan perlu fokus meningkatkan industri perladangan lembu bagi mengelak daripada terlalu bergantung kepada daging import.



Daging wagyu yang dipercayai tidak halal dijual di negara ini.

kim), aspek halal dan haram produk yang di bawa masuk ialah sangat penting.

Katanya, syarikatnya turut berdepan dengan isu sijil halal yang ditiru secara tidak sah oleh pedagang yang tidak bertanggungjawab.

"Ada pembekal yang tidak bertanggungjawab meniru sijil halal dan memanipulasi sijil halal yang kita peroleh semata-mata untuk mengaut keuntungan."

"Jadi, kita harap pihak berkuasa khususnya kerajaan memandang serius isu daging seludup itu kerana ia bukan sahaja memberi kesan mendalam kepada orang Islam tetapi turut menjejaskan perniagaan pembekal daging import halal dan sah yang lain," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Hafis mengingatkan orang ramai khususnya umat Islam supaya tidak membeli daging import termasuk wagyu yang dijual dengan harga yang begitu rendah di pasaran.

Katanya, ia berkemungkinan daging yang dijual itu diseludup dan tidak mendapat pengiktirafan halal.

"Bagi daging wagyu, kita sedia maklum harganya mahal iaitu antara RM800 sehingga RM2,000 sekilo mengikut jenis. Jadi kalau ia dijual dengan harga terlalu murah, sangat tidak masuk akal," katanya.

Selain itu, katanya, daging wagyu halal dan sah ada disertakan dengan sijil keaslian oleh MPJA kepada pembekal yang membelinya di pusat sembelihan yang diiktiraf.

JADUAL WAKTU SOLAT		Sinar					
	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK	
PERLIS	6:13	7:28	1:23	4:43	7:14	8:29	
ALOR SETAR	6:14	7:26	1:23	4:44	7:15	8:30	
PULAU PINANG	6:13	7:24	1:22	4:45	7:16	8:31	
IPOH	6:09	7:20	1:20	4:43	7:15	8:30	
KOTA BHARU	6:06	7:20	1:15	4:36	7:07	8:18	
KUALA TERENGGANU	6:01	7:15	1:11	4:33	7:05	8:20	
KUANTAN	5:57	7:12	1:12	4:35	7:09	8:24	
KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA	6:05	7:16	1:18	4:40	7:15	8:30	
SHAH ALAM	6:05	7:15	1:18	4:40	7:15	8:30	
SEREMBAN	6:00	7:15	1:16	4:39	7:14	8:29	
BANTAR MELAKA	6:00	7:14	1:14	4:39	7:14	8:29	
JOHOR BAHRU	5:52	7:06	1:09	4:33	7:09	8:24	

Sumber daripada portal www.c-solar.gov.my

28/12/2020

SINAR
HARIANSINDIKET
PENYELUDUPAN
DAGING SEJUK
BEKU

3

Kastam tidak akan berkompromi

Hukuman kepada pegawai kastam dikesan bersekongkol dengan kartel daging sejuk beku

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) tidak akan berkompromi sekiranya ada pegawai dan anggotanya bersekongkol dengan sindiket kartel daging sejuk beku.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir berkata, pihaknya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap pegawai yang terlibat.

"Setakat ini, tiada bukti jelas bahawa pegawai dan anggota saya terlibat."

"Saya serahkan sepenuhnya kepada pihak berkuasa terlibat untuk siasat perkara itu. Biar ia diasiat terlebih dahulu dan saya sama sekali tidak akan bersekongkol melindungi pegawai saya sekiranya dikesan terlibat dalam sindiket kartel," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Ahad.

Abdul Latif berkata, sekiranya benar pegawainya yang terlibat, beliau mengalu-alukan tindakan



Kegiatan penyeludupan daging sejuk beku dilakukan sindiket dipercayai menggunakan dokumen palsu termasuk borang kastam, permit import, sijil halal atau pun resit bayaran.



ABDUL LATIF

diambil segera.

Jelasnya, pihaknya kini sedang menunggu hasil siasatan penuh berkenaan isu kartel daging sejuk beku.

Pada 1 Disember lalu, susulan pendedahan *Sinar Harian*, sepasukan pegawai dan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Maqis, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) serta Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) menyerbu gudang terbabit pada jam 10.30 pagi.

Siasatan mendedahkan kegiatan penyeludupan masuk yang dilakukan sindiket terbabit diper-

cayai akan menggunakan dokumen palsu termasuklah borang kastam, permit import, sijil halal atau pun resit bayaran.

Bagi mengaburi mata pihak berkuasa, sindiket turut mengimport daging daripada sumber yang sah sebelum dibawa ke gudang terbabit dan diletakkan di satu bahagian khas untuk disimpan.

Pemeriksaan lanjut juga mendapati daging yang dicurigai itu akan dibuat pembungkusan semula di dalam sebuah bilik yang dilengkapi mesin pemotong.

Daging atau organ dalaman tersebut dimasukkan di dalam kotak sebelum ditampal dengan pelekat serta dicop halal.

Siasatan mendapati cop logo itu ditempah dari sebuah premis percetakan di Ulu Tiram, Johor.

Maqis juga mengesan pelekat dihasilkan sendiri di gudang itu.

Polis Johor terima 15 laporan

JOHOR BAHRU - Sebanyak 15 laporan polis dibuat setakat Sabtu, berhubung kes daging sejuk beku dan pemalsuan dokumen yang dipercayai dilakukan sebuah gudang kartel di Senai di sini.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, daripada jumlah itu, 13 laporan dibuat oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berkaitan laporan pemeriksaan, sitaan dan rampasan.

"Satu laporan pula dibuat oleh pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk tindakan di bawah Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam."

"Selain itu, satu lagi la-

poran turut dibuat oleh Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) Bahagian Kulai bertujuan mendesak agensi berkuasa mengambil tindakan terhadap pembekal daging berkaitan," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Ahad.

Sebelum ini, Ayob Khan menegaskan pihaknya menyediakan bantuan keanggotaan bagi membantu penguasaan di gudang kartel sejuk beku di Senai yang bertujuan sebagai bantuan keselamatan terhadap penguatkuasaan yang menjalankan siasatan di lokasi terbabit.

Beliau berkata, bantuan itu penting bagi memastikan keselamatan di kilang selain mahu memastikan barang kes tidak diganggu atau dilarikan.

JMM Perak buat empat laporan polis

IPOH - Pertubuhan Jaringan Melayu Malaysia (JMM) Perak membuat empat laporan polis mendesak tindakan tegas terhadap pihak yang terlibat dalam kegiatan kartel penyeludupan daging sejuk beku.

Presiden JMM, Hamdan Mohd Salleh berkata, laporan itu dibuat secara serentak di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ipoh, Kuala Kangsar, Kampar dan Muallim di sini pada Sabtu.

Menurutnya, laporan itu antara lain menyarankan agar pegawai dan kakitangan kerajaan yang bertugas di pintu masuk utama kontena ke negara ini iaitu di Pelabuhan Klang ditu-

karkan serta-merta.

"Perkara ini harus dilakukan segera dan JMM juga akan terus mendesak agar kertas siasatan terhadap perkara ini dibuka segera," katanya dalam satu kenyataan kepada media.

Terdahulu, *Sinar Harian* mendedahkan kegiatan kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari luar negara sebelum membungkus semula dengan label palsu.

Perkara itu dibongkar Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) yang mengenal pasti jenama popular produk daging sejuk beku keluaran Australia yang diproses di sebuah kilang.

Fuziah cabar kerajaan buru dalang seludup daging sejuk beku



Fuziah (dua dari kanan) beramah mesra dengan orang ramai di Pasar Tani UTC Kuantan, Pahang pada Ahad.

KUANTAN - "Saya cabar menteri cari dalang kartel daging," tegas bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Fuziah Salleh memabitkan isu kartel daging import.

Fuziah yang merujuk kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) berkata, isu itu melibatkan integriti dan menggugat institusi penguatkuasaan negara jika ia benar-benar berlaku.

Ahli Parlimen Kuantan itu berkata, beliau sedang mendapatkan maklumat mengenai modus operandi kartel tersebut.

"Perkara itu besar-besaran sehingga bertahun. Kita bimbang binatang itu mungkin berpenyakit atau ditembak. Pasti ada agensi kerajaan terlibat."

"Saya harap pihak berkuasa siasat sehingga ke akar umbi. Menteri pun kena berani beri kenyataan bahawa mereka akan mencari dalangnya. Bagaimana daging itu boleh diimport?" katanya pada sidang akhbar di Pasar Tani UTC di sini pada Ahad.

Jelasnya, ada pelbagai peringkat yang perlu dilalui sebelum daging import melepasi pasaran Malaysia.

"Ada rangkaian yang rapat antara satu sama lain. Mereka bertanggungjawab kepada rakyat Malaysia," katanya.



28/12/2020

SINAR
HARIANSINDIKET
PENYELUDUPAN
DAGING SEJUK
BEKU

4



SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU

Sijil halal diciplak, kata Ahmad Marzuk

KOTA BHARU - Kerajaan mengesahkan ada pihak tidak bertanggungjawab menciplak sijil halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) membabitkan industri makanan daging sejuk beku di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia (Hal Ehwal Agama), Ahmad Marzuk Shaary berkata, pihaknya mendapati mereka yang terbabit menipu menggunakan nama syarikat yang mempunyai sijil halal sah mengikut piawaian Jakim.

"Memang tidak berlaku mana-mana pegawai Jakim yang cuai dalam bertugas atau tidak melaksanakan prosedur yang betul.

"Ia adalah kes penipuan yang menggunakan nama syarikat yang mengikut piawaian halal ditetapkan oleh Jakim," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian



Ahmad Marzuk (ldr) menyampai Sumbangan Seragam Sekolah Siri 1 kepada 600 penerima di Dewan Hj Nik Abdullah Arshad, Kompleks Purnama, Pengkalan Chepa, Kota Bharu pada Ahad.

Sumbangan Seragam Sekolah Siri 1 kepada 600 penerima di Dewan Hj Nik Abdullah Arshad, Kompleks Purnama di sini pada Ahad.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Pengkalan Chepa berkata, Jakim mengamalkan prosedur gerak kerja dan syarat ketat bagi kelulusan sijil halal diberikan kepada sesebuah syarikat.

Status halal daging Allana dijaga rapi

SHAH ALAM - Syarikat pengeluar daging halal terbesar dunia jenama Allana memberi jaminan kepada semua pengguna bahawa status halal produk mereka sentiasa dijaga rapi.

Kumpulan Allana dalam satu kenyataan pada Ahad berkata, status halal itu juga sentiasa dipatuhi setiap masa selaras dengan status Allana sebagai sebuah syarikat yang sangat bertanggungjawab.

"Yakinlah bahawa tidak ada alasan untuk produk Allana dipalsukan kerana bekalan sentiasa cukup dan harganya amat berpatutan.

"Loji penyembelihan Allana diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Kesemua loji penyembelihan milik syarikat kami telah diakreditasi sepenuhnya oleh Malaysia," katanya.

Kenyataan itu juga menyebut, terdapat kebolehsesanan penuh untuk setiap kontena yang tiba ke Malaysia dari pengimport ke pemborong kerana setiap kotak daging mempunyai kod QR yang dicetak.

Menurutnya, daging diperiksa dan dijual kepada pengimport Malaysia yang sudah lama dikenali.

Katanya, pengimport daging syarikat itu termasuk Ramly Food Processors turut menjalin hubungan dengan syarikatnya selama lebih 25 tahun.

Jenama Allana ialah syarikat pelopor pengeksportan daging dari India sejak lebih 51 tahun lalu (1969).

Kumpulan Allana dimiliki dan diuruskan sebuah keluarga Muslim.

Syarikat itu mengeksport daging ke lebih dari 70 negara.

Daging Allana menjadi pilihan pengguna di banyak negara termasuk Indonesia, Malaysia dan Arab Saudi.



Jenama Allana ialah syarikat pelopor pengeksportan daging dari India sejak lebih 51 tahun lalu.

Kartel daging wujud zaman PH: Najib

Laporan pertama
disiarkan media
pada Oktober 2019

Oleh RAIHAM MOHD
SANUSI

SHAH ALAM

Datuk Seri Najib Tun Razak mendakwa, isu kartel daging diragui halal yang dilaporkan berlaku sejak 40 tahun lalu tidak pernah timbul sepanjang tempoh beliau bergelar Perdana Menteri daripada tahun 2009 hingga 2018.

Bekas Perdana Menteri keenam itu berkata, walaupun media melaporkan ia berlaku sejak 40 tahun lalu, kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak pernah menerima apa-apa aduan rasmi berhubung perkara tersebut.

Menurutnya, beliau juga telah memeriksa perkara tersebut dengan menteri-menteri berkaitan pada masa itu dan mereka mengesahkan tiada aduan pernah diterima, selain media juga tidak pernah



Najib turut memuat naik keratan laporan berhubung kartel daging haram di laman Facebook beliau pada Ahad.



NAJIB

menimbulkan isu itu.

"Setelah dikaji, rupa-rupanya isu itu pertama kali dilaporkan pada Oktober 2019," katanya menerusi hantaran Facebooknya pada Ahad.

Katanya, dakwaan awal dibuat Media Asia Sentinel selepas Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menarik balik pengiktirafan sebuah badan pensijilan halal di Australia.

Jelasnya, pada waktu itu, Menteri di Jabatan

Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di bawah kerajaan Pakatan Harapan (PH), Datuk Seri Dr Muhyiddin Yusof dan Timbalannya, Fuziah Salleh menolak dakwaan itu.

Katanya, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Latheefa Koya berjanji menyiasat dan akan mendedahkan keputusan siasatan tersebut.

Beliau menggesa agar Muhyid, Fuziah dan Latheefa menjawab tentang status siasatan skandal kartel daging berkenaan sepanjang tempoh empat bulan mereka menyiasat.

Daging import Ramly Burger halal, dipantau Jakim

SHAH ALAM - Pengeluar makanan proses, Ramly Food Processing Sdn Bhd (RFPBS) mengesahkan pihaknya hanya mengimport daging dan lain-lain bahan mentah terus daripada pengeluar dan dipantau sendiri oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) secara berkala.

Pengarah Urusannya, Datuk Dr Ramly Mokni berkata, ia juga disahkan halal tanpa penglibatan orang tengah.

"RFPBS ialah sebuah syarikat bumiputera Muslim yang dimiliki sebuah keluarga dan kami amat berhati-hati dalam isu ini sejak dahulu lagi," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Pihaknya menyambut baik saranan Jakim dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna agar tiada mana-mana pihak mengulas isu itu selagi siasatan belum selesai.

28/12/2020

SINAR
HARIANSINDIKET
PENYELUDUPAN
DAGING SEJUK
BEKU

5

Peniaga makanan akui bimbang

Bimbang status halal daging dijual dan kenaikan harga bekalan mentah susulan isu kartel daging sejuk beku

SHAH ALAM

Pemilik sebuah restoran di Shah Alam terpaksa menghentikan sementara operasi perniagaannya bagi menunggu keputusan pengesahan status halal daging daripada pembekal. Pemilik restoran Sup Utara Power 18, Muhammad Zharfan berkata, pihak pengurusan restoran mengambil keputusan menghentikan jualan pada Sabtu lalu susulan pembongkaran sindiket kartel daging sejuk beku di Malaysia.



MUHAMMAD ZHARFAN



HAKIMSA

Bagaimanapun katanya, premis perniagaan yang terletak di Seksyen 18 di sini kembali beroperasi pada Ahad apabila pembekal mengesahkan status halal jenama daging yang dijual di restoran.

"Saya menjalankan perniagaan kira-kira 16 tahun dan banyak menggunakan daging dalam masakan."

"Isu ini sensitif kerana saya menyediakan hidangan kepada beratus pelanggan setiap hari."

"Saya rasa perlu ambil tindakan proaktif terhadap perkara itu," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Sementara itu, beberapa pengusaha restoran di Selangor memilih untuk menggunakan daging import berbanding daging tempatan sekali gus isu status halal daging sejuk beku import menambah kekusaran mereka.

Pengusaha Restoran Don Kari Kepala Ikan di Seksyen 16, Bahadun Shamsudin, 48, berkata, kebanyakan



Daging import menjadi pilihan pengusaha restoran kerana harganya lebih murah.

peniaga memilih membeli daging import memandangkan harganya lebih murah.

"Harga daging tempatan lebih mahal iaitu sekitar RM33 hingga RM35 sekilo, manakala daging import biasa pula sekitar RM15 ke atas."

"Disebabkan itu, ramai peniaga memilih daging import," katanya.

Bahadun berkata, pasaran daging tempatan tidak begitu banyak berbanding daging import.

"Sebenarnya, daging import atau tempatan ini sama sahaja, namun cara pemprosesan dan pembungkusan itu yang perlu diberikan perhatian oleh pihak berwajib agar ia tidak mengelirukan pengguna," katanya.

Pemilik Restoran Hakim, Datuk Hakimsa Abdul Karim berkata, restoran tidak menggunakan daging import dalam masakan mereka walaupun harganya lebih murah.

Hakimsa berkata, beliau mempunyai pembekal daging sendiri dan turut mendapatkan bahan berkenaan dari pasar pada setiap hari bagi menjamin kualiti perniagaannya.

"Kebiasaannya, kebanyakan restoran guna daging beku import dan kami lebih memilih untuk membeli di pasar atau pembekal yang diyakini," katanya.

Di KUALA TERENGGANU,

pengusaha restoran dan kedai makan mengakui terpaksa mendapatkan daging import berbanding daging segar tempatan kerana perbezaan harga sehingga 50 peratus.

Seorang peniaga, Rohayuni Ismail, 33, berkata, daging import yang dibelinya berharga RM16 sekilogram bergantung kepada jenama, manakala harga daging segar pula jauh lebih mahal iaitu RM30 sekilogram.

"Bila harga daging mentah pun sudah tinggi sudah tentu harga daging segar siap dimasak meningkat. Berapa harga kita mahu caj pelanggan yang ambil lauk daging dan ini akan bebankan pelanggan."

"Kebiasaannya, pelanggan tahu ia bukan daging segar dan mereka sendiri akan putus sama ada mahu ambil atau tidak," katanya.

Di KOTA BHARU, isu kartel daging halal palsu yang dibongkarkan akhbar ini sedikit sebanyak mengusarkan pengguna.

Namun orang ramai boleh menarik nafas lega apabila kebanyakan peniaga memilih menggunakan daging tempatan dalam masakan.

Bagaimanapun, ada juga yang menggunakan daging import yang diyakini sumbernya halal.

Seorang peniaga masakan panas, Mohd Nazri Che Onn berkata, sejak

lebih 12 tahun berniaga, beliau menggunakan daging tempatan dan tidak pernah membeli daging sejuk beku.

"Memanglah guna daging import lebih murah tetapi dalam berniaga ini semua kena ambil kira rezeki yang berkat walaupun mereka tidak tahu daging kami guna halal atau tidak," katanya yang mengusahakan Cafe Nara terletak di Pengkalen Chepa.

Di ALOR SETAR, seorang pengusaha daging pekasam terpaksa menanggung rugi hampir RM1,000 selepas melupuskan stok pekasam kerana bimbang status halal.

Wanita yang mahu dikenali Juliana, 35, berkata, tindakan melupuskan stok daging pekasam juga diambil selepas permintaan jatuh dengan mendadak selain tidak mahu terjerumus dalam perkara yang syubuh.

"Sejak isu itu timbul, pelanggan saya mulai berkurangan."

"Saya akui daging yang digunakan untuk membuat pekasam ini menggunakan daging import kerana kosnya lebih murah."

"Jika perlu membuat pekasam daripada daging tempatan, harganya boleh mencecah RM18 sehingga RM20 satu pekuk seberat 150 gram hingga 200 gram berbanding pekasam daging import berharga RM10 sahaja," katanya.

Di KUANTAN, pengusaha restoran di sini mengesahkan kerajaan menyiasat dan menghukum pihak yang bersubahat dengan kartel daging sejuk beku itu.

Pengusaha Restoran D'Pondok, Abdul Majid Abdul Wahid berkata, meskipun ia bukan kesalahan peniaga sekiranya terbeli daging-daging tersebut, namun beliau terkilan ia melibatkan penduduk di Malaysia.

Sinar Harian melaporkan mengenai syarikat ejen fret (*freight forwarder*) yang menguruskan proses pengimportan daging sejuk beku halal mengimport daging dari negara yang tidak diluluskan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Kegiatan yang berlaku sejak beberapa tahun lalu itu didakwa dibantu 'orang dalam' di pintu masuk negara.

Pemuda UMNO mahu kerajaan dedah syarikat seludup daging



ASYRAF WAJDI

SHAH ALAM - Pemuda UMNO meminta kerajaan segera mendedahkan nama-nama syarikat yang terlibat dalam kartel penyeludupan dan pengedaran daging import haram.

Ketuanya, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata, pendedahan itu penting bagi mengem-

balikan kepercayaan dan keyakinan umat Islam terhadap keabsahan status halal daging import dalam pasaran.

"Pemuda UMNO juga mendesak penubuhan segera pasukan khas yang melibatkan pelbagai agensi kawal selia dan penguatkuasaan industri Halal

termasuk pihak SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM)."

"Ia bertujuan menyiasat dan mengambil tindakan tegas kepada mana-mana pihak yang didapati menyeleweng termasuk rasuah dalam isu kartel daging

haram ini," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Dalam pada itu, Asyraf berkata, jangan ada yang menjadi penghalang mahu menutup atau melindungi mana-mana pihak termasuk penglibatan orang kenamaan dalam penyelewengan itu.

Usah lindungi orang kenamaan

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhlisulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Jangan ada sebarang usaha menutup ataupun melindungi mana-mana pihak termasuk orang kenamaan yang terlibat dengan kartel penyeludupan dan pengedaran daging import haram ke negara ini.

Menyifatkan kegiatan itu sebagai penyelewengan amanah umat Islam, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki menegaskan, apa yang paling utama sekarang ini ialah mengembalikan kepercayaan dan keyakinan umat Islam terhadap keabsahan status halal daging import yang berada

“Sesiapa pun tidak boleh terlepas daripada tindakan undang-undang termasuk pihak yang mempunyai kuasa dan pengaruh.”

DR. ASYRAF WAJDI DUSUKI



dalam pasaran.

“Sesiapa pun tidak boleh terlepas daripada tindakan

undang-undang termasuk pihak yang mempunyai kuasa dan pengaruh,” katanya

dalam satu kenyataan semalam.

Penegasan itu hadir selepas pendedahan media baru-baru ini terdapat kartel yang bersubahat dengan beberapa pegawai dalam agensi kerajaan untuk mengimport daging seperti kangkaru dan kuda yang tidak berstatus halal untuk dijual sebagai daging halal.

Pegawai dalam agensi kerajaan itu didakwa menerima pelbagai jenis habuan termasuk wang dan khidmat bagi membolehkan kartel tersebut beroperasi mengimport daging-daging berkenaan.

Asyraf sebelum ini mengemukakan enam cadangan yang perlu diambil tindakan

segera oleh kerajaan bagi menangani isu kartel daging bagi memastikan keyakinan, kepercayaan dan logo halal Malaysia yang diiktiraf dunia tidak terjejas.

Cadangan itu termasuk mengisytiharkan dan mendedahkan nama-nama syarikat yang sedang diasas serta disyaki terabit dengan penipuan sijil dan percampuran daging halal haram.

Turut dicadangkan ialah memperkasakan kembali Majlis Halal Malaysia yang diperkenalkan di zaman kerajaan Barisan Nasional (BN) bagi membangunkan industri halal secara komprehensif dan bersepadu.

Dedahkan jenama logo halal palsu

JOHOR BAHRU: Kerajaan didekahkan mendedahkan jenama terlibat kes kartel daging yang menggunakan logo halal palsu bagi membolehkan masyarakat khususnya umat Islam dapat menghentikan pembelian serta merta produk berkenaan.

Pemangku Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Johor, Muhammad Farhan Basheer berkata, tindakan mendedahkan jenama melakukan kesalahan bukanlah sesuatu baharu kerana Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pernah melakukan perkara sama sebelum ini.

“Oleh itu, kami mendesak kerajaan mendedahkan jenama yang terlibat dengan kartel ini seperti mana mereka lakukan untuk pelbagai produk lain sebelum ini.

“Kita mempunyai senarai sekurang-kurangnya enam jenama daging terlibat tetapi kerajaan sewajarnya mendedahkan perkara tersebut. Malah perlu mengheret pihak terlibat dengan kartel ini ke mahkamah dan dalam masa sama, penguatkuasaan mesti dipertingkatkan bagi memastikan kegiatan seperti ini dibanteras,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Pada 2 Disember lalu, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia, mendedahkan, kegiatan kartel daging sejuk beku import yang membawa masuk daging tanpa sijil



MUHAMMAD FARHAN BASHEER

halal sebelum meletakkan logo halal palsu untuk dijual di pasaran tempatan.

Sehubungan itu, Muhammad Farhan turut menggesa kerajaan memperhalusi cadangan supaya haaya membenarkan import ternakan hidup bagi menamatkan kegiatan kartel serta jaminan bekalan daging halal berkualiti.

“Lembu, kambing atau kerbau import akan disembelih di rumah sembelihan milik jabatan atau persendirian yang ada persijilan halal.

“Ia kemudian diproses, disjukkan beku dan disimpan sebelum diedarkan untuk memenuhi pasaran domestik sahaja. Dengan ini, kita dapat jaminan bekalan daging halal serta berkualiti. Sudah tiba masanya kerajaan mewujudkan ekosistem bagi rantai pembekalan daging halal bersepadu,” ujarnya.

Sensitif terhadap sumber produk

MARAN: Umat Islam perlu peka dengan status halal sesuatu produk makanan dibeli sama ada di premis perniagaan atau secara dalam talian sebelum ia dibawa balik untuk dimakan ahli keluarga masing-masing.

Pengetua Maahad Tarbiah Darul Hijrah Al-Islamiah Kampung Paya Pasir, Azizah Khatib Mat berkata, ini kerana setiap makanan itu akan menjadi darah daging sepanjang hayat.

Oleh itu, katanya, kempen Buy Muslim First (BMF) perlu disokong dan diberi sambutan umat Islam dalam memastikan hanya produk halal dimakan ahli keluarga.

“Membeli produk muslim di kedai orang Islam adalah satu cara meningkatkan ekonomi orang Islam sehingga boleh menjadi pemborong dan pembekal kepada pasar raya besar,” katanya kepada Utusan Malaysia di sini semalam.

Pada 2 Disember lalu, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia mendedahkan, kegiatan kartel daging sejuk beku import yang membawa masuk daging tanpa sijil halal sebelum meletakkan logo halal palsu untuk dijual di pasaran tempatan.

Azizah turut meminta pasar raya milik muslim mengenal pasti terlebih dahulu siapa pengeluar sebenar sesuatu produk tanpa hanya melihat logo halal semata-mata.

Berhubung isu kartel daging, beliau berkata, perkara tersebut perlu diselesaikan



AZIZAH Khatib Mat ketika ditamui di Maahad Tarbiah Darul Hijrah Al-Islamiah Kampung Paya Pasir, semalam.

secara tuntas oleh pihak berwajib dan berintegriti kerana membabitkan soal maruah dan makanan halal umat Islam.

“Penyelesaian secara ber-

maruah perlu bagi mengelakkan sebarang spekulasi negatif terhadap pihak berkenaan dan menjamin makanan dijual halal,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/12/2020	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	1

Wadah Pembaharuan

BH

BeritaHarian

Diterbit sejak 1957 www.bharian.com.my



Tangguk, tangguk sampah!
Keluhan nelayan di Jeram
Muka 14/15

Xiaomi
Year End Bonanza
15th Dec 2020 - 15th Jan 2021




Why do you love & choose Xiaomi?

Beli & Hadiah

Isu kartel daging import

Tubuh pasukan siasatan khas, dedah dalang



Pelbagai pihak, termasuk pemimpin parti politik, dewan perniagaan dan persatuan pengguna mahu kerajaan bertindak segera menangani isu kartel daging seludup dan status halalnya, termasuk mencadangkan penubuhan pasukan siasatan khas, malah Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kegiatan itu dan mendedahkan semua pihak terbabit. Ada juga meminta didedahkan jenama yang menggunakan label halal diragui. **Muka 2, 3**

28/12/2020

BERITA
HARIAN

MUKA DUA

2

Isu kartel daging import

Kerajaan digesa segera bertindak

Syor tubuh
Suruhanjaya
Siasatan Diraja,
dedah dalang

Oleh Rohaniza Idris, Suzalina
Halid, Fahmy A Rosli
dan Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelbagai pihak, termasuk pemimpin politik, dewan perniagaan dan persatuan pengguna mahu kerajaan bertindak segera menangani isu kartel daging import seludup serta status halal yang mencetuskan kebimbangan umat Islam di negara ini.

Tindakan yang dicadangkan termasuk mewujudkan pasukan siasatan khas, malah ada menyarankan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kegiatan itu dan mendedahkan semua pihak yang terlibat.

Ada juga yang meminta dideklarasikan jenama menggunakan label halal yang diragui supaya pengguna, terutama umat Islam boleh berhenti membelinya.

Cadangan penubuhan RCI disyorkan oleh Naib Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rana isu berkenaan disifatkannya

kritikal berikutan membabitkan soal syariat dan akidah umat Islam.

Sebagai bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap ehwal Islam, beliau bimbang, jika tidak ditangani sewajarnya, ia boleh mencetuskan persoalan mengenai integriti dan kualiti label halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku pengeluar pensijilan itu.

RCI juga, katanya, mempunyai kuasa bagi menyiasat isu terbabit secara lebih mendalam, terutama kemungkinan kaitannya dengan rasuah, habuan tertentu dan lebih utama, kerapuhan pintu masuk negara yang boleh mendedahkan pula kepada isu lebih besar mengenai aspek keselamatan.

Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki pula menyarankan penubuhan pasukan khas bagi menyiasat kes berkenaan yang wajar disegerakan bagi mengesan kemungkinan berlaku penyelewengan dan rasuah.

"Pasukan khas itu perlu membabitkan pelbagai agensi kawal selia dan penguatkuasaan industri halal, termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanya.

Selain mengisytiharkan dan mendedahkan nama syarikat sedang disiasat serta penubuhan pasukan khas, Asyraf juga meminta tindakan segera menarik bekalan

daging yang memasuki pasaran dalam tempoh dua minggu ini oleh syarikat berkenaan dilakukan, bagi mengelakkannya dijual kepada rakyat dan pengusaha makanan.

Beliau turut meminta jangan ada usaha melindungi mana-mana pihak termasuk orang kenamaan jika mereka terbabit dengan kartel berkenaan.

Sementara itu, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Johor menegaskan, kerajaan perlu memperhalusi cadangan supaya hanya ternakan hidup dibenarkan diimport bagi menamatkan kegiatan kartel serta memastikan jaminan bekalan daging halal di negara ini.

Sambil mendesak kerajaan mendedahkan semua jenama produk daging import yang diseludup masuk oleh kartel ke negara ini selama ini, Pemangku Yang Dipertuanya, Muhammed Farhan Bashier, berkata langkah itu dapat menjamin bekalan daging halal dan berkualiti untuk pasaran negara.

Beliau juga mendedahkan, pihaknya mempunyai sekurang-kurangnya enam jenama daging import yang diragui kualiti dan status halalnya, tetapi menyerahkan kepada kerajaan untuk membuat pendedahan berkenaan.

Dalam perkembangan berkaitan, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengusaha (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi menjelaskan, siasatan ke atas syarikat tempatan disyaki terbabit dalam isu itu akan mengambil masa sebelum pendakwa boleh dilakukan.

Ini kerana, katanya, siasatan kes berkenaan adalah kompleks kerana memerlukan pembabitkan pelbagai agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan JAKIM, bukan hanya KPDNHEP.

"Kita tidak boleh terburu-buru tanpa kesimpulan daripada agensi lain kerana isu ini rumit. Jadi, biarkan kami dan agensi yang lain melakukan siasatan terperinci. Kalau kita tergesa-gesa (dakwa syarikat di mahkamah), akan banyak implikasinya dalam aspek undang-undang," katanya.

Sebelum ini, KPDNHEP mengesahkan sedang menyiasat syarikat tempatan yang disyaki terbabit dengan isu kartel daging import di bawah dua kesalahan cap dagangan, mengikut Perenggan 8, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 dan Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Penasihat Pengusaha Negara, Mohd Azmi Abdul Hamid percaya

Pasukan khas itu perlu membabitkan pelbagai agensi kawal selia dan penguatkuasaan industri halal, termasuk SPRM dan PDRM.

Asyraf Wajdi Dusuki,
Ketua Pemuda UMNO



kebergantungan negara kepada sehingga 70 peratus daging lembu import, membuka peluang kepada kartel menguasai pasaran tempatan.

Sehubungan itu, beliau meminta kerajaan melaksanakan usaha untuk meningkatkan pengeluaran daging tempatan bagi mengelakkan kebergantungan berkenaan yang menjurus kepada monopoli oleh kartel dan perlakuan rasuah dalam kalangan kakitangan pihak berkuasa tertentu.

Katanya, isu kartel daging import harus menjadi pengajaran kepada semua bahawa kebergantungan kepada bahan makanan import pasti akan membawa risiko penyelewengan dan membuka ruang kepada pihak tertentu meraih untung mudah dengan memalsukan sijil halal dan syarat kemasukan ke pasaran tempatan.

Pendapat sama dipersetujui Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar yang melihat isu kartel daging seharusnya membuka mata semua pihak mengenai perlunya rakyat Malaysia terbabit dalam pengeluaran produk tani, khususnya makanan halal.

"Rakyat Malaysia masih terlalu bergantung kepada produk asing tempatan. Sudah tiba masanya rakyat terbabit dalam ekosistem pengeluaran makanan. Kita mahu lebih ramai belia dan siswazah menganggur menjadi pelopor da-

lam pertanian.

"Mereka perlu mengubah corak pemikiran, jangan hanya fokus urut makan gaji. Mereka harus membuka mata terhadap potensi perniagaan yang sangat besar dalam sektor pengeluaran makanan," katanya.

Kartel yang terbabit dalam pengimportan daging sejuk beku dari negara sumber tidak sah, termasuk diragui status halal dan kualitinya, dipercayai 'membeli' beberapa kakitangan kerajaan, termasuk pegawai kanan agensi tertentu bagi melepasi pemeriksaan di pintu masuk negara.

Wang ringgit dan habuan berlibur dikatakan diguna bagi merasuah pegawai terbabit sebagai dorongan 'melepaskan' barangan yang diimport tanpa mengikut peraturan ke pasaran negara ini.

Sebelum ini, BH melaporkan sumber yang rapat dengan siasatan kes terbabit, mendakwa kartel mempunyai 'orang dalam' pada semua peringkat prosedur dan pemeriksaan di pintu masuk, menyebabkan mereka kekal sehingga mampu beroperasi sejak lebih 40 tahun lalu.

Rampasan 30 tan daging sejuk beku yang dipercayai dibungkus semula dan kemudian menggunakan tanda halal palsu di Johor pada awal bulan ini, didakwa sebahagian bukti kegiatan kartel yang disyaki dibantu beberapa penjawat awam yang menyalahkuasa.

Ibadat & Tadilat

Maklumat Waktu Ibadat mengikut kedudukan matahari bersempena dengan kedudukan SAMPAH (Amman) dalam waktu yang sama. Waktu Ibadat ini adalah untuk maklumat sahaja dan tidak boleh digunakan untuk tujuan lain. Waktu Ibadat ini adalah untuk maklumat sahaja dan tidak boleh digunakan untuk tujuan lain.

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
Kangar	6:14	1:23	4:54	7:14	8:29
Alor Setar	6:12	1:22	4:43	7:15	8:30
P. Pinang	6:12	1:22	4:44	7:16	8:31
Ipoh	6:08	1:20	4:43	7:15	8:30
Kuala Lumpur	6:04	1:18	4:40	7:14	8:29
Shah Alam	6:04	1:18	4:40	7:14	8:29
Johor Bahru	5:52	1:09	4:33	7:08	8:24
Kuantan	5:58	1:12	4:36	7:09	8:24
Seremban	6:01	1:16	4:39	7:14	8:29
Bandar Melaka	6:00	1:15	4:39	7:14	8:29
Kota Bharu	6:02	1:16	4:37	7:08	8:18
K. Terengganu	6:01	1:11	4:33	7:05	8:20
Kota Kinabalu	5:10	12:20	3:41	6:13	7:28
Kuching	5:28	12:44	4:08	6:44	7:59

www.takaful-ikhlas.com.my

Kartel 'kuasai' pusat periksa daging import

Pegawai agensi tertentu 'dibeli' untuk membolehkan daging masuk negara



Keratan akhbar BH, 21 Disember lalu.

Isu kartel daging import

Integriti JAKIM dipersoal jika kes tidak ditangani

Aspek syariat perlu diambil kira kerana babit soal akidah

Kuala Lumpur: Kerajaan digesa menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat isu kesangsian kualiti dan status halal daging sejuk beku yang dibawa masuk ke Malaysia dari luar negara.

Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Mujahid Yusof, berkata jika isu itu tidak ditangani, ia boleh mencetuskan pula persoalan mengenai integriti dan kualiti label daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku pengeluar pensijilan halal.

"Satu aspek ialah ia membabitkan soal syariat kita (Islam), iaitu apabila makanan yang disangsikan halalnya, ia boleh menimbulkan soal syariat. Aspek ini perlu diambil kira kerana membabitkan soal akidah, syariat dan tuntutan (agama). Kita perlu mendapatkan penjelasan."

"Kedua, isu kartel ini mendedahkan juga pelbagai isu rasuah, mendapatkan habuan tertentu dan lebih utama, kerapuhan pintu masuk negara yang boleh mendedahkan pula kepada isu lebih besar mengenai keselamatan negara," katanya.

Mujahid yang juga Naib Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH) membuat gesaan itu ketika membentangkan usul pada konvensyen parti berkenaan di Melaka yang disiarkan secara maya, semalam.

Katanya, kesangsian mengenai label halal pada produk itu akhirnya mendedahkan isu kartel daging yang menguasai pasaran sedan lama yang juga masalah lebih membarah, merangkumi soal penyeludupan di pintu masuk penting negara, rasuah, habuan tertentu dan salah guna label halal.

Sehubungan itu, beliau berkata, pihak berwajib khususnya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu menyiasat semua agensi yang terbabit dalam prosedur dan urusan membawa masuk daging sejuk beku import ke negara ini.

Agensi berkenaan, katanya, daripada JAKIM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sehinggalah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta beberapa lagi.

"Ia adalah satu proses yang membabitkan pelbagai agensi seperti MAQJIS (Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia), JKDM, Polis Pelabuhan dan pihak swasta," katanya.

Sementara itu, Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, berkata pergerakan itu meminta jangan ada usaha melindungi mana-mana pihak terma-

suk orang kenamaan jika mereka terbabit dengan kartel berkenaan.

Katanya, kerajaan wajar mendedahkan segera nama syarikat yang terbabit dalam kartel penyeludupan dan penderaan daging sejuk beku berkenaan.

"Ini penting bagi mengembalikan kepercayaan dan keyakinan umat Islam terhadap keabsahan status halal daging import yang berada dalam pasaran," katanya di Facebooknya, semalam.

Kelmarin, beliau mengemukakan enam saranan untuk menangani isu berkenaan, termasuk penubuhan pasukan khas bagi menyiasat kes berkenaan yang wajar disegerakan bagi mengesan kemungkinan berlaku penyelewengan dan rasuah.

Asyraf juga meminta tindakan segera menarik bekalan daging yang memasuki pasaran dalam

tempoh dua minggu ini oleh syarikat berkenaan dilakukan, bagi mengelakannya dijual kepada rakyat dan pengusaha makanan.

Beliau juga menggesa kerajaan menilai kembali kapasiti kakitangan pensijilan halal yang tidak selari dengan bebanan dan keluasan cakupan tugas pengawasan sijil halal dalam Malaysia dan di luar negara serta menambah segera kakitangan kawal selia halal di JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri.

Selain itu, memperkasakan kembali Majlis Halal Malaysia bagi membangunkan industri halal secara komprehensif dan bersepadu membabitkan 300 agensi Persekutuan, negeri dan swasta yang secara langsung terbabit dalam aspek kawal selia, pensijilan, penguatkuasaan dan pemantauan industri halal negara.

Satu aspek ialah ia membabitkan soal syariat kita (Islam), iaitu apabila makanan yang disangsikan halalnya, ia boleh menimbulkan soal syariat.

Mujahid Yusof,
Bekas Menteri
di Jabatan Perdana Menteri
(Hal Ehwal Agama)



'Siasatan ambil masa sebelum pendakwaan dilakukan'

Kuala Lumpur: Siasatan ke atas syarikat tempatan disyaki terbabit dalam isu kartel menyeludup masuk daging sejuk beku import diragui kualiti dan status halalnya ke negara ini, akan mengambil masa sebelum pendakwaan boleh dilakukan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata siasatan adalah kompleks kerana memerlukan pembabitkan pelbagai agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

"Perkara ini membabitkan pelbagai agensi bukan hanya KPDNHEP. Kuasa kita (KPDNHEP) hanya berkisar penggunaan logo halal palsu dan akta kepenggunaan. Siasatan kita hanya di bawah bidang kuasa kita, saya tidak boleh bercakap mewakili siasatan agensi lain."

"Namun, kita tidak bergerak sendiri dan sentiasa bekerjasama dengan agensi lain kerana ia diperlukan untuk menyelesaikan perkara ini," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Selama ini, KPDNHEP mengesahkan sedang menyiasat syarikat tempatan yang disyaki terbabit dengan isu kartel daging import di bawah dua kesalahan cap dagangan mengikut Perenggan 8, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 dan Seksyen 5 Akta Perizinan Dagangan 2011.

Alexander berkata, kementerian juga tidak boleh terburu-buru dalam aspek siasatan kerana ia perlu dilakukan dengan teliti bagi memastikan pesalah yang dibawa ke muka pengadilan nanti menerima hukuman setimpal.

"Kita tidak boleh terburu-buru tanpa kesimpulan daripada agensi lain kerana isu ini rumit. Jadi, biarkan kami dan agensi yang lain melakukan siasatan terperinci. Kalau kita tergesa-gesa (dakwa syarikat di mahkamah), akan banyak implikasinya dalam aspek undang-undang," katanya.

Di Kuching, BERNAMA melaporkan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jafar, berkata isu kartel daging seharusnya membuka mata semua pihak mengenai perlunya rakyat Malaysia terbabit dalam pengeluaran produk tani, khususnya makanan halal.

Dalam satu kenyataan media diutarakan ketika melawat Pejabat Perhubungan Angkatan Koperasi Malaysia Berhad (ANGKASA) Sarawak semalam, beliau berkata, rakyat Malaysia masih terlalu bergantung kepada produk asas tani import.

DPMJ Johor desak dedah jenama produk

Johor Bahru: Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMJ) Johor mendesak kerajaan mendedahkan semua jenama produk daging import yang diseludup masuk oleh kartel ke negara ini.

Pemangku Yang Dipertuanya, Muhammed Farhan Basheer, berkata ia bagi membolehkan pengguna khususnya umat Islam berhenti membeli daging jenama terbabit dengan serta-merta.

Katanya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta persatuan pengguna selama ini kerap mendedahkan jenama makanan atau produk menggunakan label halal palsu, mengandungi lemak khinzir atau mengelirukan pengguna Islam dengan jenama berunsur Islam.

"Kami ada senarai sekurang-kurangnya enam jenama daging berkenaan, tetapi kerajaan yang se-

wajarnya mendedahkannya, selain mengheret pihak terbabit dengan kartel ini ke mahkamah. Penguatkuasaan mesti dipertingkatkan bagi memastikan kegiatan seperti ini dibanteras," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

DPMJ Johor juga, katanya, menyarankan kerajaan memperhalusi cadangan supaya hanya membenarkan import ternakan hidup bagi menamatkan kegiatan kartel serta memastikan jaminan bekalan daging halal berkualiti.

"Lembu, kambing atau kerbau import boleh disembelih di rumah sembelihan jabatan (Jabatan Perkhidmatan Veterinar) atau persendirian yang ada pensijilan halal, kemudian diproses, disejukbeku dan disimpan sebelum diedarkan ke pasaran domestik sahaja."

"Dengan ini, kita akan dapat jaminan bekalan daging halal dan berkualiti. Sudah tiba ma-

sanya kerajaan mewujudkan ekosistem bagi rantaian bekalan daging halal bersepadu serta penggunaan logo dan jenama khas di negara ini," katanya.

Di Kuala Lumpur, kerajaan diminta melaksanakan usaha untuk meningkatkan pengeluaran daging tempatan bagi mengelakkan kebergantungan kepada bekalan dari luar negara yang menjurus kepada monopoli kartel dan perlakuan rasuah dalam kalangan agensi pihak berkuasa tertentu.

Pengerusi Majlis Penasihat Pengguna Negara, Mohd Azmi Abdul Hamid, berkata kebergantungan sehingga 70 peratus kepada daging lembu import membuka peluang kepada kartel menguasai pasaran tempatan.

"Kita sebenarnya boleh berada pada tahap lebih 30 peratus sara diri dalam keperluan daging sekiranya kewujudan kartel, rasuah

serta salah urus industri bekalan daging lembu dapat ditangani. Akibat salah urus bantuan kerajaan, Malaysia gagal membangunkan sektor penternakan," katanya.

Katanya, isu itu harus menjadi pengajaran kepada semua pihak bahawa kebergantungan kepada bahan makanan dari luar negara pasti akan membawa risiko penyelewengan dan membuka ruang kepada pihak tertentu untuk meraih untung mudah dengan memalsukan sijil halal dan syarat kemasukan ke pasaran tempatan.

"Kami memang bersetuju siasatan dan tindakan tegas diambil terhadap sesiapa yang terbabit dalam pemalsuan sijil dan logo halal, tetapi tidak seharusnya pihak berwajib cuai dengan tanggungjawab untuk memastikan tidak ada kartel mengambil peluang atas urusan import daging halal," katanya.

Henti ulas kes daging seludup

KUALA LUMPUR: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) meminta semua pihak supaya tidak memberi sebarang ulasan dan pandangan yang boleh menjejaskan kredibiliti kes berhubung daging seludup.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Dato' Abdul Aziz Jusoh berkata kes ini masih dalam siasatan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Katanya, hal ini dibimbangi boleh menimbulkan keresahan dalam kalangan masyarakat dan boleh menjejaskan pengimport serta pengusaha industri daging negara yang telah mendapat pengesahan halal yang sah.

"Sebarang komentar yang tidak disertakan dengan bukti yang kukuh boleh menyebabkan timbulnya isu lain yang dikhuatiri menjejaskan kepercayaan terhadap pensijilan halal Malaysia di peringkat domestik dan antara-bangsa.

"Kerajaan Malaysia telah menetapkan bahawa pengimportan daging dan produk daging hanya dibenarkan daripada abatoir/loji pemprosesan yang diluluskan



Daging halal palsu.

oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) dan JAKIM," katanya dalam satu kenyataan Rabu lepas.

Menurutnya, daging dan produk daging yang diimport masuk perlu pengesahan halal dari badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM.

Dalam pada itu, katanya pengimport juga perlu mengemukakan bersama sijil kesihatan daripada pihak berkuasa veterinar negara pengeksport dan kelulusan permit import dari Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) sebelum daging dan produk daging tersebut dibenarkan masuk ke pasaran negara ini.

"Mana-mana pihak yang

mempunyai maklumat mengenai isu penyeludupan daging dan penyalahgunaan kuasa hendaklah melaporkannya kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

Sementara, pada 1 Disember lalu, sebuah gudang syarikat daging sejuk beku di Taman Perindustrian Senai, Johor Bahru, Johor diserbu pihak berkuasa hasil risikan MAQIS kerana dipercayai terlibat dalam kegiatan menyeludup daging sejuk beku.

Kartel berkenaan dipercayai menjadikan sebuah gudang di Senai sebagai lokasi untuk membuat label dan cap palsu yang kemudiannya akan ditampal pada kotak daging yang telah dibungkus semula itu.

Gesa SPRM siasat dalang kartel daging

Oleh NUR HASMIRA MOHAMAD

KUALA LUMPUR: Lajnah Pengguna dan Pekerja PAS Pusat, menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melakukan siasatan segera dan menyeluruh berhubung penglibatan pegawai kerajaan dalam rasuah mengenai isu kartel daging import ke Malaysia yang diragui status halal dan kualitinya.

Timbalannya, Ahmad Tarmizi Sulaiman menginginkan kerajaan menubuhkan siasatan diraja bagi memastikan semua yang disyaki terlibat diheret ke muka pengadilan.

Ujarnya, isu ini harus dipandang serius kerana ia bukan sahaja melibatkan hak pengguna malah satu pengkhianatan besar kepada rakyat.

Media tempatan baru-baru ini melaporkan dalang penyeludupan kartel daging ke negara ini dipercayai melibatkan beberapa kakitangan kerajaan yang dira-



Ahmad Tarmizi Sulaiman

suah dengan wang dan wanita sebagai bayaran imbalan.

Modus operandi itu antara lain dipercayai tindakan mengupah pegawai kanan agensi tertentu bagi melepasi pemeriksaan di pintu masuk negara.

"Pendedahan itu sangat serius, bila ada penglibatan pihak-pihak pegawai ini sama ada di peringkat kastam atau di peringkat bahagian kuarantin makanan ini.

"Kita harap satu tindakan segera daripada pihak SPRM untuk menyiasat perkara ini kerana ia boleh melibatkan pengkhianatan pegawai-pegawai ini yang telah memberi kelulusan secara tidak sah.

"Ini satu pengkhianatan besar kepada rakyat dan ke-

pada orang Islam. Jadi ini bukan satu benda yang boleh diambil ringan," ujarnya kepada *Harakah* pada Khamis.

Kata Ahmad Tarmizi, beliau mencadangkan supaya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terlibat secara langsung di setiap pemeriksaan pintu masuk negara bagi memastikan bekalan import makanan mentah yang dibawa ke negara ini selamat dan halal digunakan.

"Dalam soal pemilihan makanan ini juga perlu melibatkan JAKIM yang ada autoriti membuat pengesanan awal, maknanya koordinasi berbagai agensi supaya perkara ini tidak berulang lagi," cadangnya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Sik berkata pernah meminta KPDNHEP mengumumkan nama jenama daging yang dipalsukan cap serta pembungkusan semula daging sejuk beku import yang didedahkan pada awal Disember baru-baru ini.

Ujarnya, jika nama jenama daging itu didedahkan, pengguna di luar sana khususnya orang Islam akan lebih berhati-hati dalam pemilihan produk import bekalan daging sejuk beku.

Malah katanya, pihak pengguna yang telah menggunakan daging berkenaan boleh mengenakan saman terhadap syarikat yang terlibat.

Walau bagaimanapun, katanya KPDNHEP memaklumkan isu berkenaan masih dalam proses siasatan. Sehubungan itu, beliau turut menggesa KPDNHEP segera melakukan siasatan bagi kemudahan pengguna.



Koordinasi semua agensi amat perlu supaya isu kartel daging yang status halal dan kualitinya diragui tidak berulang lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/12/2020	NST	MUKA DEPAN	11

NEW STRAITS TIMES

ESTABLISHED 1845

PP413/09/2012 (030687) | DECEMBER 28, 2020 | MONDAY | RM2.00

TAKE ACTION, NO COVER-UPS

WITH Johor police receiving 15 reports on the meat cartel scandal, it is crucial that the authorities investigate without fear or favour to expose those involved, even if they are VIPs. However, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry says investigations and enforcement will take time due to the case's complexity and involvement of many agencies.

» REPORTS ON PAGES 2 & 3

PIC BY HAIRUL ANUAR RAHIM

28/12/2020

NST

NEWS STORY OF
THE DAY

2

FAKE HALAL LABELS

JOHOR COPS GET 15 REPORTS ON 'MEAT CARTEL'

Ministry lodges
13 reports, while
Customs, political
party lodge 1 each

RIZALMAN HAMMIM
JOHOR BARU
news@nst.com.my

JOHOR police have received 15 reports regarding the presence of a "meat cartel" that has been passing off non-certified meat as halal meat in the Malaysian market.

State police chief Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay said 13 of the reports were from the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, with the rest from the Customs Department and a political party.

"Twelve of the reports lodged by the ministry are related to the inspection and seizure in the case, while the other report was under the Anti-Money Laundering Act against the alleged company involved.

"The report by the Customs Department is on the investigation under Section 135(1)(d) of the Customs Act.

"The report by the political party, meanwhile, is to urge the authorities to take action against those involved in the case," said Ayob Khan when contacted by the *New Straits Times*.

On Dec 1, in a joint operation, the authorities crippled a "meat cartel" that smuggled in uncertified frozen meat from Argentina, Brazil, Ukraine and China.

A total of 1,500 tonnes of frozen meat, with an estimated value of RM900 million, were seized in the raid at a warehouse in the Senai Industrial Park, Johor.

The products were said to have been smuggled through Johor's main seaports, while the warehouse was believed to be where the smugglers generated fake labels and stamps, which would then be used on the repackaged meat for sale nationwide.

Authorities said the cartel had been active for years and to avoid detection, it allegedly falsified

import documents, permits and halal certificates, besides importing products from legitimate sources and mixing it with their stock.

Since then, two non-governmental organisations (NGOs) — Gabungan Baru Harapan Malaysia and Pertubuhan Kebajikan Anak Bersatu Selangor — had urged the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) to conduct a thorough investigation into a meat cartel that smuggled uncertified frozen meat to be sold using fake halal labels.

Last week, the *New Straits Times* reported that senior officers from no fewer than four government agencies were believed to be working hand in glove with the cartel, which was believed to have been in operation for more than 40 years.

The senior officers had reportedly received money and in some cases, women for sex, as bribes to turn a blind eye to the cartel's operations.

The report had detailed how the cartel "controlled" the operation by bribing officers even prior to checks at slaughterhouses and meat-processing plants abroad to ensure that the necessary approvals were obtained before the uncertified meat was shipped to Malaysia.

The report also said the three main areas of entry for shipments were the Port Klang Free Zone, Westport and Northport. It stated how the cartel had, over the years, managed to secure "representatives" in government agencies based at the ports, some of whom are very senior officers.

The non-certified meat, listed as transit items, would instead find its way out of the port after being given the green light by corrupt officers.

The goods would then be taken to one of several warehouses, where the meat would be mixed with halal-certified meat and repacked with fake halal logos, and then enter the market.

A subsequent report quoted a source as saying that the cartel would ship not only non-certified beef, but also horse meat and kangaroo meat, as well as beef of poor quality that would not have



A man checking frozen imported meat at a shop in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY HAIRUL ANUAR RAHIM

otherwise passed quality checks.

The report also stated that to avoid any direct links to the syndicate heads, the cartel would set up proxy companies as importers, oftentimes headed by individuals who did not know that their identities were being used.

Johor MACC has since opened investigation papers on the case. The probe, said a source in the commission, was on the falsification of the Customs 1 form, which is the declaration of import items, and graft among the agencies involved.

The source added that cooperation of various agencies, such as the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, Veterinary Services, Malaysian Quarantine and Inspection Services (Maqis) and Customs departments, had been obtained.

The Malaysia Islamic Development Department and Veterinary Services Department handled matters pertaining to the checks and importation of halal meat into Malaysia.

Maqis, Customs and port police, meanwhile, were in charge of managing the supplies once they entered Malaysian ports.



Investigation complex, will take a long time, says minister

KUALA LUMPUR: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has acknowledged that the investigation into local companies linked to the activities of a meat cartel will take a long time.

Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said the investigation was complex as it required the involvement of numerous agencies, such as the Veterinary Services Department and the Malaysia Islamic Development Department (Jakim).

"This issue concerns not just the ministry. Our scope of authority revolves only around the use of fake halal labels as well as consumer-related acts."

"Our investigation can only involve what falls under our scope of power. I cannot speak on behalf of other agencies and their

respective investigations.

"However, we are not moving alone on this. We are cooperating with other agencies because this is necessary in order to resolve this issue," he told *Berita Harian*.

Prior to this, the ministry had confirmed that it was investigating Malaysian companies linked to the cartel for offences under trademark laws.

Nanta Linggi said at the same time, the ministry could not rush any aspect of its investigation. The probe, he said, must be done carefully to ensure that the offender was brought to justice.

"We cannot rush as the issues are complex. Let us and the other agencies do a detailed investigation. If we rush (in prosecuting the companies), it could have other legal implications."

'Firms copied halal logo issued by Jakim'

KOTA BARU: The government believes that several companies are involved in the fake halal meat certification scandal.

Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Ahmad Marzuk Shaary said he had received information that these companies had been involved in such activities for quite some time.

He said as such, there was no issue of enforcement of officers from the Malaysia Islamic Development Department (Jakim) being involved in the scandal, nor were they complacent in carrying out their responsibilities.

"I would like to stress that the meat cartel was not due to the carelessness of Jakim's enforcement officers and supervisors as all of them had complied with the standard operating procedures (SOP)."

"This kind of fraudulent act happens almost everywhere. Jakim has a good SOP in issuing halal certification to meat companies."

"What transpired is that other companies copied the genuine halal logo issued by Jakim to legitimate meat companies for

their own fake transactions.

"These companies would then use the counterfeit halal certification for their imported meat. The meat belonging to these companies is the one which had raised doubt about their halal status."

Marzuk, who is also Pengkalan Chepa member of parliament, said this after presenting school aid to some 600 schoolchildren in his constituency yesterday.

He also believed that these companies had taken advantage of the good business relationship between Jakim and genuine meat companies.

To curb this, he said, Jakim has been told to tighten its enforcement and SOP in the issuance of halal certification for all imported products, including meat.

"The government is also planning to increase Jakim's manpower soon. Priority locations would be at industrial areas in the Klang Valley and Johor."

Marzuk advised members of the public not to panic over the issue as the government was conducting a thorough probe into the scandal.

'Don't protect those involved in scandal'

KUALA LUMPUR: There should be no attempts to cover up or protect any individuals, even VVIPs, if they are found to be tied to the activities of a meat cartel that is believed to have been passing off non-certified meat as halal meat in the country.

Umno Youth chief Datuk Dr Asyraf Wadji Dusuki said, in addition to the six recommendations made by the youth wing on the next course of action, the authorities should also disclose the names of all companies tied to the syndicate's activities.

"This is crucial to restore the trust of the Muslim community in the halal status of imported meat in the market," he said in a statement on his Facebook page.

Umno Youth had, on Saturday, forwarded six recommendations on how to tackle the issue, including setting up a special investigative team.

Asyraf said this was a necessary step to establish the possibility of corruption and bribery within the authorities.

"The special team should also involve agencies related to the

monitoring and enforcement of halal standards, as well as the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) and the police."

Meanwhile, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, who is a former minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs), yesterday called for a Royal Commission of Inquiry (RCI) to be set up on the issue.

Speaking at the Parti Amanah Negara convention yesterday, Mujahid, who is also party vice-president, said if the issue was not dealt with speedily, it could raise questions about the integrity and quality of the halal labels issued by the Malaysia Islamic Development Department (Jakim).

He said the issue touched on two aspects, the first being the halal status and the second on corruption, which raised larger questions on national security.

"The doubts over this have raised the spectre of this cartel, which has dominated the market for a long time."

"This involves a more cancerous issue pertaining to national

security, bribery and abuse of the halal label."

"The authorities, namely MACC, should investigate all agencies involved including Jakim, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry, Customs Department, and even the Agriculture and Food Industries Ministry."

"An RCI should be set up to investigate the alleged porous nature of our borders and the integrity of Jakim's halal label, as well as expose the network involved," he said.

Mujahid said failure to tackle this issue effectively would lead to questions over Jakim's credibility, and a spillover effect on Malaysia's status as one of the world's largest halal hubs.

"The value of the halal industry in Malaysia is US\$147 billion, while the projected value of the global halal market in 2023 is US\$6.9 trillion."

"It is not only Jakim's credibility which is at stake here, but also other agencies, such as the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department and port police."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/12/2020	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	3

'Durian tussle won't affect production'

MALACCA: The issue of durian farmers in Raub, Pahang will not affect the production of the King of Fruits, especially the Musang King variety for the local and export market, said Deputy Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ahmad Hamzah.

He said this was because there were several other farms in the country cultivating Musang King durians and were able to meet the demand for the fruit, which received great response, including those processed and frozen.

Most importantly, every durian farmer should follow the procedure by registering and passing facilities and farm audits, besides having to obtain a Good Manufacturing Practice certificate to ensure high quality of the fruits.

"Another condition is that the durian trees planted are on their own land or leased and the agreement is affirmed, whereas those who cultivate on illegally occupied land are not eligible," he said after launching the Malacca Small Business Promotion Campaign here yesterday. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/12/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Isu pekebun di Raub tidak jejakkan pengeluaran durian



LAWAT: Ahmad (dua, kanan) melihat produk keluaran usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) yang dijual ketika hadir merasmikan Kempen Promosi Perniagaan Kecil Tempatan Negeri Melaka, di Bandar Hilir, kelmarin. — Gambar Bernama

MELAKA: Isu pekebun durian di Raub, Pahang tidak akan menjejaskan pengeluaran dan penghasilan raja buah itu terutamanya jenis Musang King bagi pasaran dan eksport ke luar negara, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Beliau berkata ia berikutan terdapat beberapa ladang lain di negara ini menanam durian Musang King dan mampu menampung permintaan terhadap buah yang mendapat sambutan hebat termasuk yang diproses dan disejuk beku.

Katanya, paling penting setiap pekebun durian perlu mengikut prosedur dengan berdaftar dan lulus audit fasiliti serta ladang, selain perlu memperoleh Sijil Amalan Pengilangan Baik (GMP) bagi memastikan durian yang dihasilkan berkualiti dan bermutu tinggi.

"Syarat lain iaitu pokok durian yang ditanam adalah di atas tanah pemilikan sendiri atau disewa pajak serta disahkan perjanjian tersebut manakala bagi tanah yang diterokai tidak layak," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Promosi Perniagaan Kecil Tempatan Negeri Melaka di sini, semalam.

Pada 23 Dis lepas, Mahkamah Tinggi Kuantan menolak permohonan 204 pekebun durian Musang King di Raub untuk mendapatkan kebenaran semakan kehakiman, terhadap notis arahan pengosongan tanah yang dikeluarkan kerajaan Pahang.

Permohonan itu dibuat selepas kerajaan negeri Pahang mula mengambil tindakan terhadap pekebun yang didakwa mengusahakan kebun durian secara haram di sekitar Raub pada awal Ogos sehingga menyebabkan kerugian kepada kerajaan negeri, selain isu pencemaran air.

Sementara itu, menurut Ahmad seramai 44 usahawan mengambil bahagian dalam program Kempen Promosi Perniagaan Kecil Tempatan Negeri Melaka yang diadakan dengan usaha sama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan pusat beli-belah Mahkota Parade.

"Program ini bertujuan membantu usahawan memulihkan ekonomi mereka yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19," tambahnya. — Bernama

Headline	Deputy agriculture minister: Durian dispute does not affect exports		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	28 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	3	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	186 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,602
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,806



(马六甲27日讯)
农业及食物工业部副部长拿督斯里阿末韩查表示，劳勿榴梿风波，不会影响榴梿产量及出口，尤其是猫山王品种榴梿。

他说，我国有许多榴梿农民，他相信产量足以应付需求量，当中包括加工榴梿及冷冻榴梿。

他指出，所有榴梿农民须注册并且通过设备稽查，同时获得良好生产规范（GMP）认证。

他昨午出席甲州皇

副農長：尤其是貓山王 榴梿風波不影響出口

冠百利广场“甲州小型生意促销展”主持开幕仪式后，在新闻发布会上表示，“我国榴梿不只供应给本地的市场，同时还出口至中国。”

确保进口食品清真

阿末韩查也说，该部将和大马伊斯兰发展局（JAKIM）合作，确保进口食品都符合清真规格，同时加强食品入口指南。

“入口食品不止要获得兽医局批准，还要经过大马伊斯兰发展局等单位进行清真审核。我们不允许有问题的食品入口，若进口冷冻牛肉令人质疑，宗教局等机构将解决问题。”

出席者包括甲州副议长拿督威拉卡查里、农业、农机工业、企业发展及合作社委员会主席拿督诺依古等。



阿末韩查（左四）主持甲州皇冠百利广场“甲州小型生意促销展”开幕仪式。左二为卡查里，右二为诺依古。

Headline	Musang King dispute in Raub does not affect exports		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	28 Dec 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A4	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	155 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,718
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,155



劳勿猫山王风波 不影响出口

马六甲27日讯 | 农业及农基工业部副部长拿督斯里阿末韩查指出，彭亨劳勿猫山王榴槤园课题不影响榴槤的产量及出口至国外的销量，尤其是猫山王品种。

他说，我国仍有其他榴槤园种植猫山王，足以应付市场的需求，包括加工榴槤及冷冻榴槤。

农民须根据程序登记

他表示，所有的榴槤农民必须根据程序登记，并通过设备及农场的稽查，同时也必须获得良好生产规范（GMP）认证，以确保生产高品质的榴槤。

其他条件则包括果树必须

种植在本身的农地或合法租借的土地上，至于开垦的土地则不符合资格。」

阿末韩查是于昨天下午在甲州皇冠百利广场为甲州小型企业促销运动主持推介礼后，在记者会上，如是指出。这场活动获得44位商家参与，以协助受到新冠肺炎疫情打击的商家。

劳勿非法榴槤芭风波纷扰近7个月，关丹高庭于本月23日议决，不发出司法审核准令予六大「猫山王新村」，包括双溪兰、双溪查力、双溪吉流、都赖、双溪只登和生利的204位榴槤农民；换言之，榴槤农民无法入闸，进行下一步的司法审核。

CMK

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/12/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	9

Stok musang king masih ada

Menteri perjas isu pekebun di Raub tidak jejas pengeluaran durian di Malaysia

MELAKA

Isu pekebun durian di Raub, Pahang tidak akan menjejaskan pengeluaran dan penghasilan raja buah itu terutamanya jenis musang king bagi pasaran dan eksport ke luar negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, masih terdapat beberapa ladang lain di negara ini menanam durian musang king dan mampu menampung permintaan terhadap buah yang mendapat sambutan hebat termasuk yang diproses dan disejuk beku.

“Apa yang paling penting setiap pekebun durian perlu mengikut prosedur dengan berdaftar dan lulus audit fasiliti serta ladang, selain perlu memperoleh Sijil Amalan Pengilangan Baik (GMP) bagi memastikan durian yang dihasilkan berkualiti dan bermutu tinggi.

“Syarat lain iaitu pokok durian yang ditanam adalah di atas tanah pemilikan sendiri atau disewa pajak serta disah-



Ahmad (kanan) melihat produk keluaran usahawan Industri kecil dan sederhana yang dijual ketika hadir merasmikan Kempen Promosi Perniagaan Kecil Tempatan Negeri Melaka di Bandar Hilir pada Ahad.

kan perjanjian tersebut manakala bagi tanah yang diterokai tidak layak,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Promosi Perniagaan Kecil Tempatan Negeri Melaka di sini pada Ahad.

Pada 23 Disember lalu, Mahkamah Tinggi Kuantan menolak permohonan 204 pekebun durian musang king di Raub untuk mendapatkan kebenaran semakan kehakiman, terhadap notis arahan pengosongan tanah yang dikeluarkan kerajaan Pahang.

Permohonan itu dibuat selepas kerajaan Pahang mula mengambil tindakan terhadap pekebun yang didakwa mengusahakan kebun durian

secara haram di sekitar Raub pada awal Ogos sehingga menyebabkan kerugian kepada kerajaan negeri, selain isu pencemaran air.

Sementara itu, Ahmad berkata, seramai 44 usahawan mengambil bahagian dalam program Kempen Promosi Perniagaan Kecil Tempatan Negeri Melaka yang diadakan dengan usaha sama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan pusat belibelah Mahkota Parade.

“Program tersebut bertujuan membantu para usahawan memulihkan ekonomi mereka yang terjejas teruk akibat pandemik Covid-19,” jelasnya. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/12/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

Giat penglibatan belia dalam pertanian

KUCHING - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) sedang bekerjasama dengan beberapa kementerian lain dalam usaha menggiatkan penglibatan belia dalam industri pertanian dan seterusnya dapat menjamin keselamatan makanan negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, kerjasama itu bertujuan menyediakan dana, bimbingan dan pemantauan terhadap belia yang berminat untuk menceburi industri keusahawanan pertanian.

"Kementerian saya mengadakan kerjasama untuk mengambil generasi muda ini dengan membimbing dan menggerakkan minda mereka untuk terlibat dalam industri-industri berkenaan," katanya selepas melawat Pejabat Perhubungan Angkatan Koperasi Malaysia Berhad (Angkasa) Sarawak di sini pada Ahad.

Menurutnya, langkah kerajaan Sarawak menggalakkan penglibatan belia dalam keusahawanan pertanian melalui penyediaan dana, latihan dan membuka pejabat dagangan di Singapura untuk meluaskan lagi pasaran produk belia wajar dicontohi.

"Ikut sahaja apa yang dibuat di negeri Sarawak (dan) saya cukup yakin perusahaan pertanian mempunyai masa depan yang cerah kerana Sarawak telah memainkan peranannya dengan baik dalam penguasaan *supply chain* (rantai bekalan) makanan," katanya. - *Bernama*

Kerjasama tarik belia sertai industri pertanian

Kuching: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sedang bekerjasama dengan beberapa kementerian lain dalam usaha menggiatkan pembabit belia dalam industri pertanian yang seterusnya dapat menjamin keselamatan makanan negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata kerjasama ini bertujuan menyediakan dana, bimbingan dan pemantauan terhadap belia yang berminat untuk menceburi industri keusahawanan pertanian.

"(Kementerian) saya mengadakan kerjasama untuk mengambil generasi muda ini dengan membimbing mereka, menggerakkan minda mereka untuk terbahit dalam industri ini," katanya selepas melawat Pejabat Perhubungan Angkatan Koperasi Malaysia Berhad (Angkasa) Sarawak di sini, semalam.

Katanya, langkah kerajaan Sarawak menggalakkan pembabit belia dalam keusahawanan pertanian melalui penyediaan dana, latihan dan membuka pejabat dagangan di Singapura demi untuk meluaskan lagi pasaran produk belia, wajar dicontohi.

"Ikut sahaja apa yang dibuat di negeri Sarawak (dan) saya cukup yakin (perusahaan) pertanian mempunyai masa depan yang cerah kerana Sarawak memainkan peranannya (dengan baik) dalam pengurusan supply chain (rantai bekalan) makanan," katanya.

Wan Junaidi berkata, pembabit kebanyakan koperasi di negara ini masih lagi tertumpu kepada sektor perkhidmatan, terutama penyediaan kemudahan kredit, dengan hanya segelintir sahaja terbahit dalam sektor pengeluaran.

"Saya nak *adjustkan* (perbetulkan keadaan) ini supaya pada tahun-tahun mendatang kita dapat melihat jumlah orang (koperasi) daripada sektor perkhidmatan ini menguncup dan sektor pengeluaran seperti pembinaan, pengilangan dan pertanian ini meningkat," katanya. BERNAMA

Kerjasama ini bertujuan menyediakan dana, bimbingan dan pemantauan terhadap belia yang berminat untuk menceburi industri pertanian.

Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi

Dana RM100j modenkan bot nelayan laut dalam

Peruntukan kepada Jabatan Perikanan usaha kerajaan pikat generasi muda

Oleh Ahmad Rabful Zulkifli
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Kerajaan memperuntukkan RM100 juta kepada Jabatan Perikanan untuk melaksanakan projek pemodernan bot nelayan laut dalam, tahun depan.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan), Raja Bidin Raja Hassan, berkata pembinaan bot keluli lengkap pelbagai kemudahan, termasuk tempat tidur dan tandas akan menarik minat generasi muda menyertai industri perikanan laut dalam.

"Sekarang, kita masih bergantung kepada tenaga kerja asing sebagai awak-awak dan tekong untuk industri perikanan laut dalam."

"Oleh itu, usaha Jabatan Perikanan menggantikan bot kayu dengan bot keluli diharap menarik minat golongan muda terbahit dengan industri berkenaan."

"Pembinaan 20 bot akan dimu-



Raja Bidin (dua dari kanan) pada majlis penyerahan bot laju oleh Cerana Teknik Group Sdn Bhd kepada Jabatan Perikanan di Kuala Terengganu, semalam. (Foto Ahmad Rabful Zulkifli/BH)

lakan untuk tempoh lapan bulan membabitkan RM5 juta untuk sebuah bot. Dijangka hujung tahun depan bot itu boleh digunakan," katanya ketika ditemui pada majlis penyerahan bot laju oleh Cerana Teknik Group Sdn Bhd kepada Jabatan Perikanan, di sini, semalam.

Raja Bidin berkata, mulai tahun depan pembinaan bot kayu tidak lagi digalakkan.

"Bot keluli lebih selamat, selesa

dan mempunyai ketahanan lebih baik berbanding bot kayu. Kelajuan bot keluli juga lebih baik. Justeru, wajar ia digantikan selain tujuan keselamatan kepada nelayan laut dalam," katanya.

Selain itu, Jabatan Perikanan menerima tujuh bot laju lebih selesa dan lengkap untuk kegunaan penguat kuasa menjalankan operasi rondaan di taman laut di negeri ini.

"Setiap pulau di negeri ini

mempunyai taman laut masing-masing dan kaya pelbagai hidupan termasuk ikan, gamat dan batu karang.

"Faktor itu mendorong pencerobohan di taman laut di negeri ini."

"Aktiviti menangkap ikan, tembak ikan dan mengganggu penyus antara kesalahan utama dilakukan segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab," katanya.

'Permintaan Musang King tak terjejas'

Melaka: Isu pekebun durian di Raub, Pahang tidak akan menjejaskan pengeluaran dan penghasilan raja buah itu, terutama jenis Musang King bagi pasaran dan eksport ke luar negara, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Beliau berkata, ia berikutan ada beberapa ladang lain di negara ini menanam durian Musang King dan mampu menampung permintaan terhadap buah yang mendapat sambutan hebat, termasuk yang diproses dan sejuk beku.

Katanya, paling penting setiap pekebun durian perlu mengikut prosedur dengan berdaftar dan lulus audit fasiliti serta ladang, selain perlu memperoleh Sijil Amalan Pengilangan Baik (GMP) bagi memastikan durian dihasilkan berkualiti dan bermutu tinggi.

"Syarat lain, iaitu pokok durian ditanam adalah di atas tanah pemilikan sendiri atau disewa pa-



Ahmad melihat produk keluaran usahawan selepas melancarkan Kempen Promosi Perniagaan Kecil Tempatan Negeri Melaka, di Bandar Hilir, semalam. (Foto BERNAMA)

hak serta disahkan perjanjian terbahit, manakala bagi tanah yang diterokai tidak layak," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Promosi Perni-

agaan Kecil Tempatan Negeri Melaka di sini, semalam.

Pada 23 Disember lalu, Mahkamah Tinggi Kuantan menolak permohonan 204 pekebun durian

Musang King di Raub untuk mendapatkan kebenaran semakan kehakiman terhadap notis arahan pengosongan tanah yang dikeluarkan kerajaan Pahang.

Permohonan itu dibuat selepas kerajaan negeri Pahang mula mengambil tindakan terhadap pekebun yang didakwa mengusahakan kebun durian secara haram di sekitar Raub pada awal Ogos sehingga menyebabkan kerugian kepada kerajaan negeri, selain isu pencemaran air.

Sementara itu, menurut Ahmad seramai 44 usahawan mengambil bahagian dalam program Kempen Promosi Perniagaan Kecil Tempatan Negeri Melaka yang diadakan dengan usaha sama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan pusat bell-belah Mahkota Parade.

"Program ini bertujuan membantu usahawan memulihkan ekonomi mereka yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19," katanya. BERNAMA

Analisis: Najis babi Sg Kreh jejas ekonomi penduduk

Oleh EVA NATASHA
SADALI

HAMPIR 40 tahun penduduk Sungai Kreh, Tasik Gelugor menderita akibat menghidu bau najis babi di kawasan penternakan berhampiran. Kampung Selamat sehingga menjejaskan alam sekitar, sumber ekonomi penduduk setempat serta mengganggu keselesaan penduduk sekitar.

Menurut rekod, majoriti sungai-sungai di Pulau Pinang sudah tercemar. Beberapa sungai penting daripada negeri jiran asalnya bersih tetapi menjadi kotor dan tercemar setelah menjadi anak sungai yang melalui Pulau Pinang. Contohnya Sungai Kreh adalah sambungan daripada Sungai Korok yang merupakan anak Sungai Muda dari Kedah.

Sungai Kreh antara lapan sungai paling kotor di Pulau Pinang.

Sungai sepanjang 13 kilometer yang asalnya jernih berubah menjadi hitam pekat, udara yang pada mulanya segar bertukar menjadi busuk terutamanya pada waktu malam.

Jejas sumber rezeki

Malah, ia turut menjejaskan sumber pendapatan nelayan yang berkongsi rezeki di sungai berhampiran hilir punca pendapatan akibat pembuangan najis babi secara berleluasa di kawasan tersebut.

Data pada 2019 menunjukkan, bilangan babi yang ditanam di kandang tersebut ialah sebanyak 349,150 ekor yang melibatkan 74 buah kandang babi yang mana jumlah ini melebihi jumlah penduduk Perlis iaitu seramai 245,000 orang.

Senario ini amat membimbangkan, bayangkan, kawasan sekitar yang didiami majoritinya masyarakat Melayu Islam dilanda malang akibat penternakan ratusan ribu ekor babi di kawasan itu.

Kawasan sungai sekitar seperti Sungai Korok, Sungai Kreh Tasik, Parit Kampung Selamat, Sungai Kreh Mati, Sungai Kecil Pokok Machang, Parit Malakot, Sungai Lubuk Merjan Dalam di daerah itu amat serius jika tidak diatasi dengan segera.

Lebih konkrit lagi apabila pencemaran sungai ini bukan sahaja menyebabkan masalah bau yang dahsyat malah ada di antara penduduk mengalami gejala gatal-gatal badan dan sesak nafas akibat terhidu bau busuk dari sungai dicemari najis babi.



Penduduk bantah kewujudan kandang babi di Sg Kreh.

Apa yang lebih menyedihkan, 400 pesawah padi di dua perkampungan tersebut turut terjejas pendapatan mereka ekoran pencemaran najis babi daripada kandang ternakan haiwan itu yang disalurkan ke sungai berhampiran.

Hal ini sekali gus mengakibatkan hasil tanaman padi di Kampung Air Melintas Kecil dan Kampung Air Melintas Besar gagal dimaksimumkan sebaik mungkin bagi penghasilan kualiti padi yang baik.

Istilah ini sangat serius kerana air yang mengalir dan digunakan untuk penanaman sawah padi di kampung-kampung berhampiran mengalir daripada aliran sungai Kampung Selamat. Lajanya membimbangkan penduduk setempat.

Peraturan, sejauh mana ia dipatuhi?

Walaupun terdapat undang-undang berkaitan penternakan babi ini seperti yang ditetapkan di dalam Enakmen serta Peraturan Penternakan Babi Negeri Pulau Pinang 2020 yang berkuat kuasa mulai 1 Mac 2020, tetapi sejauh mana pengusaha ternakan babi ini mempraktikkan peraturan tersebut.

Peraturan yang memerlukan penaklakan kepada sistem kandang tertutup, kumbahan sifir, son penampungan dan amalan penternakan yang baik, kesemuanya memerlukan kos dan bajet yang tinggi. Adakah mereka mampu dan sanggup untuk biaya kesemuanya?

Kisah derita penduduk di Kawasan Tasek Gelugor ini sebenarnya hanyalah sekelompok penderitaan masyarakat di seluruh negara yang berdepan dengan pencemaran alam sekitar terutama melibat najis babi.

Jika diteliti semula, pasti banyak tempat yang terkesan dek kumbahan najis babi ini, antaranya senario yang sama turut berlaku di Perak.

Sementara itu, memetik kenyataan daripada Ketua Pemuda Dewan Pemuda PAS Ka-

wasan Tasek Gelugor yang juga merupakan Pengerusi Badan Bertindak Pencemaran Sungai Kreh, Ustaz Abdul Razib Abdul Rahim mempersoalkan siapakah 'Godfather' di sebalik kandang babi di kampung itu?

Dalam sidang DUN Pulau Pinang telah mendedahkan bahawa terdapat 26 ladang babi yang menjadi punca pencemaran Sungai Kreh. Ladang-ladang ini juga tidak mengikut Enakmen Penternakan Babi 2016.

Sudah empat tahun enakmen ini diperkenalkan, namun tiada usaha yang dilakukan oleh pemilik ladang untuk mematuhi enakmen ini. Apa tindakan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSF)? Masih layakkah mereka ini diberikan lesen untuk memelihara babi?

"Tidak cukup dengan pencemaran yang berpunca daripada najis babi, kini mereka bercadang untuk membuka pula klang baja babi di Kampung Selamat. Mulanya babi di mata mereka berbanding rakyat Tasik Gelugor. 'Persoalannya, siapa 'godfather' perkampungan babi yang menyebabkan pencemaran berlanjutan sehingga 40 tahun ini? Sungguh kebal individu ini."

Pihaknya akan terus memperjuangkan isu ini dan membongkarkan semua pihak yang terlibat agar dibawa ke muka pengadilan.

Apa Tindakan Kerajaan Persekutuan

Retentian daripada itu, sebelum ini penulis pernah menyentuh isu najis kandang babi di dalam rangkuman Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), apa tindakan susulan Kerajaan Persekutuan bagi menangani isu tersebut.

Pada asasnya, tindakan pencegahan dari segi penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan kerana penguatkuasaan pelepasan sisa pencemaran daripada punca yang terpalat di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974



Pencemaran najis babi yang menjijikkan.



40 tahun pencemaran berlaku.

adalah di luar bidang kuasa JPS Pulau Pinang.

Walaupun bagaimanapun, kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif untuk memulihara dan meningkatkan kualiti air sungai di daerah tersebut dengan membincangkan isu ini secara serius dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Khas bagi Menangani Isu Pencemaran Sungai dan Laut yang ditubuhkan di peringkat negeri.

Menurut hantaran di laman Facebook Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man, sebuah Badan bukan Kerajaan (NGO) iaitu Sahabat Alam Malaysia turut menyokong pandangan KASA agar kandang khinzir harus ditutup supaya fasiliti dan penyelesaian yang lebih baik dapat dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut.

Sementara itu, memetik sumber daripada akhbar Harian Metro, Datuk bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSF), Dato Rozali Mohamad berkata, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memandang serius pencemaran sungai berkenaan lalu kerajaan negeri meluluskan enakmen bagi mengawal keadaan tersebut.

Enakmen Penternakan Babi dikuatkuasakan pada 1 Januari 2022. Apabila tiba tarikh itu, maka tiada lagi sistem penternakan babi secara terbuka dibenarkan.

Pada masa ini, penternakan diberi moratorium dan dikehendaki mengemukakan pelan kandang khinzir tertutup sebelum 31 Disember 2020 selain penternak juga diberi tempoh membina ladang tertutup sebelum tarikh tersebut.

Sebelum ini, KASA

mencadangkan agar operasi penternakan babi dihentikan sementara sehingga penternak bekerjasama melaksanakan pelepasan sifar (zero discharged).

Pihak KASA telah menghantar memorandum bagi memastikan ianya benar-benar terlaksana bagi mengurangkan tekanan serta bebanan 1,000 orang penduduk Tasik Gelugor.

Ogos lalu, cadangan bagi membina sekatan sungai bagi mengelak sisa najis babi masuk ke dalam sawah padi juga antara penyelesaian jangka pendek yang diambil bagi mengatasi isu tersebut.

Cadangan itu telah diutarakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melalui Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Dato' Shabudin Yahya susulan rungutan petani yang mengadu hasil pertanian mereka merosot akibat masalah tersebut.

Pihaknya sedang berusaha untuk mencari peruntukan yang dianggarkan RM800,000 bagi membina sekatan tersebut.

Pihaknya dengan kerjasama Kawasannya Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dan JPS membuat sungai baharu berdekatan Empangan Tok Keramat di kawasan Padang Chempedak pada empat tahun lalu.

Ia melibatkan kerja-kerja pam air daripada takungan atau pintu air Sungai Jarak di kawasan tersebut disalurkan ke sungai baharu itu yang akan mengawal air bersih ke petak sawah Kampung Selamat dengan peruntukan sebanyak RM23 juta.

Terakhir, menurut sumber

Polis Daerah Seberang Perai Utara telah menjalankan siasatan ke atas pencemaran sungai tersebut. Petani, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan pihak berkuasa tempatan telah diambil keterangan bagi melengkapkan kertas siasatan tersebut.

Pihak forensik juga sudah mengambil sampel air di Sungai Kreh bagi mengesan sama ada terdapat DNA babi selain sampel daripada ladang ladang babi yang dikenal pasti terbit dari dalam sampel pencemaran alam sekitar itu.

Kesemua sampel itu telah dihantar ke Jabatan Kimia di Petaling Jaya, Selangor untuk diuji dan masih belum mendapat sebarang keputusan.

Cadangan Lupus Najis Babi Bersistematis

Menurut sumber, Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar serta Kesihatan negeri, Dr. Norlela Ariffin mencadangkan agar lokasi khas dibangunkan berkeluasan kira-kira 0.8 hektar bagi tujuan mengurangkan masalah pencemaran air dan bau busuk di kawasan di situ.

"Tapak perparitan (loka pembuangan najis babi) itu akan dibina di kawasan yang jauh daripada penempatan penduduk, sumber air seperti sungai utama dan sebagainya."

"Kita juga mengutuskan kawasan itu untuk menanam semua sisa pepejal najis haiwan berkenaan hingga pada kedalaman yang mencecah empat kaki (lebih 1.2 meter)."

Walaupun kenyataan itu masih di peringkat cadangan, namun mampu memberi kelengkapan kepada penduduk setempat khususnya di Kampung Tok Bedu di situ yang saban hari terpaksa menghidu bau busuk najis haiwan itu.

Menurutnya, sebanyak 126 pemilik ladang babi di negeri ini membuat permohonan mendapatkan lesen antara 1 Mac hingga 7 Oktober lalu.

Mana-mana pemilik ladang babi yang beroperasi tanpa lesen bermula 1 Januari ini berisiko dikenakan tindakan kompaun sehingga RM15,000.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/12/2020	KOSMO	NEGARA	18



ANTARA alat renjatan elektrik untuk menangkap ikan yang dirampas di beberapa daerah di Kelantan baru-baru ini.

Tangkap ikan guna renjatan elektrik dikesan di Kelantan

KOTA BHARU – Enam kes melibatkan kegiatan menangkap ikan secara haram menggunakan alat renjatan elektrik dikesan di beberapa daerah di negeri ini dalam tempoh tiga hari.

Dalam Ops Darat yang dijalankan sejak Rabu lalu itu, lebih 10 suspek meloloskan diri sebaik menyedari kehadiran pihak berkuasa yang melakukan operasi di Tumpat, Bachok, Pasir Mas dan Pasir Puteh.

Pengarah Jabatan Perikanan Kelantan, Nazri Ishak berkata, kes pertama berlaku di kawasan sawah padi di Kampung Hutan Buloh dekat Melor di sini pukul 9 malam pada Rabu lalu.

Menurutnya, kegiatan seterusnya dilakukan di kawasan sawah di Kampung Morak, Tumpat, pukul 10 malam dan di tali air di Kok Lanàs di sini

pukul 11.30 malam hari sama.

“Kegiatan sama turut berlaku di tali air di Kampung Pangkal Kala, Pasir Mas dan Kampung Selising, Pasir Puteh, pada Khamis lalu di antara pukul 10 hingga pukul 12.30 tengah malam,” katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Menurut Nazri, kes terakhir pula dikesan di kawasan sawah padi Kampung Mokkan, Bachok pukul 2.30 pagi kelmarin.

Dalam operasi itu katanya, anggota Jabatan Perikanan turut merampas enam alat renjatan elektrik yang digunakan suspek untuk menangkap ikan.

Penggunaan alat renjatan elektrik adalah sebahagian cara untuk menangkap ikan dengan meletakkannya ke dalam air dan melakukan renjatan elektrik.

Pengusaha vessel perlu kawal awak-awak

KUALA TERENGGANU: Pengusaha vessel laut perlu memastikan pekerja asing di bawah seliaan mereka mematuhi peraturan ketika berada di negara ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perlindungan, Komoditi dan Pembangunan Luar Dr Azman Ibrahim berkata, ada awak-awak nelayan asing didakwa mabuk dan mengganggu orang lain ketika mereka berada di darat.

Katanya, perkara itu menjadi rungutan penduduk tempatan seiring

ga berlaku masalah sosial ekoran kehadiran pekerja asing.

"Mereka melanggar undang-undang negara ini. Penduduk tempatan tidak selesa dengan kehadiran nelayan asing."

"Malah difahamkan ada awak-awak nelayan asing terbabit tiada dokumen pengenalan yang sah," katanya selepas program Dialog Agensi Pengukuasaan Bersama Pengusaha Vessel Laut Dalam C Dan C2 di Dewan Akademi Perikanan Malaysia Chendering baru ini.

Oleh itu Dr Azman berharap pengusaha dan pemilik vessel laut dalam perlu bertindak mengawal perlakuan pekerja mereka ketika di negara ini.

Menurutnya juga kerajaan Terengganu sedia mengambil komitmen untuk menangani isu pas lawatan kerja sementara (PLKS) yang dikatakan membekalkan pengusaha bot sekarang.

"Dalam tempoh kita menangani isu (PLKS) kita perlu juga tegas menangani isu-isu berkaitan," katanya.

- UPDI



Majlis dialog pengusaha bot laut dalam bersama anggota Exco kerajaan negeri dan agensi pengukuasaan.

28/12/2020

HARAKAH

PANTAI TIMUR

H14

Pengusaha bot laut dalam alami kerugian

Oleh ZULKEFLI HUSSIN

PASIR PUTEH: Prosedur baharu bagi kos kuarantin dan lain-lain caj berkaitan penggunaan awak-awak nelayan asing yang terpaksa ditanggung pengusaha bot laut dalam dianggap membebankan mereka.

Kos kuarantin 14 hari dan permit Pas Lawatan Kerja Semenitara (PLKS) mencecah RM8,000.

Pengusaha bot laut dalam dikatakan terpaksa membelanjakan sebanyak RM340,000 untuk menggunakan khidmat 40 awak-awak bagi sebuah bot puakat jerut.

Seorang pengusaha bot laut dalam, Nazari Yusof berkata, dua bot puakat tunda tersadai sejak tiga bulan lalu apabila tamatnya tempoh permit nelayan asing yang digunakan.

Katanya, sehingga sekarang beliau terpaksa membelanjakan sebanyak RM15,000 dalam tempoh bot tersadai hanya untuk menampung kos pengurusan bot, menanggung makan pekerja asing dan wang saku.

"Hakikat sebenar industri perikanan negara ketiduanan pekerja tempatan kerana bergantung sebanyak 90 peratus tenaga kerja dari Vietnam dan Thailand.

"Saya memberi tawaran kepada penduduk tempatan berkerja sebagai awak-awak dalam dengan gaji permulaan RM1,500 namun tidak ada yang berminat berada di tengah laut sehingga tiga minggu," katanya di sini Khamis lepas.

Beliau menyertai sekumpulan nelayan menyampaikan memorandum bantahan penguatkuasaan PLKS kepada Ahli Parlimen Pasir

Puteh, Dato' Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh untuk disampaikan kepada kabinet.

Turut hadir ADUN Seremak, Wan Hassan Wan Ibrahim. Hadir sama pengusaha bot tempatan, pektor industri hiliran, pemborong dan puaka runcit ikan.

Memorandum itu meminta kerajaan mengkaji semula pelaksanaan PLKS yang bakal dikuatkuasakan 1 Januari 2021.

Ketidaan awak-awak nelayan asing juga menyebabkan kira-kira 400 pengusaha nelayan laut dalam di Kelantan mendakwa mengalami kerugian kira-kira RM100 juta dalam tempoh lima bulan.

Seorang lagi pengusaha bot laut dalam Hazim Ramli berkata, nelayan asing yang tamat tempoh buku pelaut dan permit bekerja per-



Dr Nik Zawawi Salleh menerima memorandum daripada pengusaha bot laut dalam.

lu mengikut prosedur baru termasuk memiliki pasport dan kuarantin.

Katanya, pengusaha bot laut dalam bakal gulung tikar sekiranya masalah tersebut gagal diselesaikan.

"Selingga kini hanya 20 bot laut di Kelantan masih mampu bertahan. Bayangkan daripada 100 bot laut dalam di Tok Bali hanya 10 bot yang masih meneruskan kerja menangkap ikan.

"Mereka juga akan tersadai apabila permit lama tamat. Keadaan ini akan turut memberi kesan kepada industri hiliran termasuk kilang keropok dan ikan kering," ujarnya.

Lebih banyak sampah daripada kerang

Air sungai
berminyak
jejas rezeki
nelayan
di Jeram

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Selangor: Tangguk, tangguk sampah!

Itu 'hasil' yang lebih banyak diperoleh nelayan, Kahar Buntal, 69, sepanjang memerah keringat antara empat hingga enam jam sehari mencari kerang di perairan berhampiran daerah ini.

Masalah itu dipercayai disebabkan pembuangan sampah sarap yang mencemari Sungai Buloh, di Jeram, dekat sini, selain disyaki juga akibat pelepasan bahan kimia, berdasarkan keadaan sungai itu yang airnya kehitaman, berbau dan seolah berminyak.

Penduduk setempat memaklumkan, keadaan sungai berkenaan sekarang begitu berbeza berbanding beberapa tahun lalu yang jernih meskipun kawasan berkenaan dipenuhi tanah gambut.

Ketika itu, Kahar atau lebih dikenali sebagai Pak Uda hanya perlu ke laut sekali sahaja untuk menangkap kerang, tetapi beberapa tahun kebelakangan, dia terpaksa berulang dua kali, iaitu pada waktu pagi dan petang untuk mendapatkan hasil laut berkenaan.

Sejak sungai tercemar, bukan sahaja keringat Pak Uda berganda, malah kos yang terpaksa ditanggungnya juga bertambah, selalunya tidak berbaloi kerana kerang yang ditangkap hanya bernilai RM5 sekilogram (kg) apabila dijual terus kepada peraih.

Bekas tentera itu berkata, untuk meraih sekilogram kerang,



Kahar terpaksa membuat pusingan bot sehingga 30 atau 50 kali untuk meraih sekilogram kerang kerana selalunya lebih banyak 'menangguk' sampah sarap domestik.

dia terpaksa membuat pusingan bot sehingga 30 atau 50 kali untuk menangkap hasil laut itu kerana selalunya lebih banyak 'menangguk' sampah sarap domestik.

Wartawan BH bersama jurugambar menyertai Pak Uda baru-baru ini dan menyaksikan sendiri kesukaran nelayan itu mendapatkan kerang.

Kami sampai di lokasi pembiakan kerang kira-kira 15 minit selepas bertolak pada jam 11.30 pagi dari Jeti Nelayan Sungai Buloh ketika matahari sudah lama meninggi. Bahang mencengcam bukan sahaja me-

nyebabkan kami tidak selesa, malah 'berpinar' kerana bot berpusing-pusing untuk mendapatkan hasil.

Bagi Pak Uda, ia keadaan biasa yang terpaksa dihadapi saban hari, malah pada hari yang disertai kami, dia terpaksa memerah lebih keringat kerana peraih sudah menempah 100 kg kerang.

Kami menyaksikan sendiri bagaimana sukarnya kerja Pak Uda kerana apabila tangguk dinaikkan, hanya beberapa butir kerang diraih, selebihnya dipenuhi sampah sarap, kebanyakannya plastik.



Difahankan, sampah sarap domestik itu mungkin dibuang ke dalam sungai dan dibawa arus sebelum terbenam di kawasan pembiakan kerang.

Pemendapan sampah memudaratkan habitat kerang dan memaksa nelayan seperti Pak Uda yang bergantung sepenuhnya kepada hasil itu, bekerja lebih keras.

Untuk mendapatkan sekilogram kerang, dia terpaksa melakukan lebih 20 hingga 30 pusingan atau terpaksa kembali semula ke laut buat kali kedua pada waktu petang.

"Kerang seberat 100 kilogram hanya akan cukup jika dikongsi dengan dua anak saya yang turut menjadi nelayan," katanya menambah bahawa perairan bermula dari Sungai Buloh sebelum ini adalah pusat pengeluaran kerang tetapi sejak beberapa tahun lalu mereka sukar mendapat hasil itu kerana sungai tercemar.

"Tanah menjadi hitam dan air sungai ini seolah-olah seperti air longkang, tetapi kami sebagai nelayan yang tiada sumber pendapatan lain terpaksa bergantung dengan rezeki di sini. Sekarang untuk dapat

RM15 sehari pun susah. Saya sendiri sudah biasa menaikkan hanya sekilogram kerang sehari," katanya.

Ditanya sama ada dia penat dengan aktiviti yang tidak membawa pulangan berbaloi dengan keringat dan kos, Pak Uda mengakui berputus asa apabila melihat begitu banyak sampah sarap yang dinaikkan berbanding kerang.

"Kira-kira 90 peratus bahan yang dinaikkan adalah sampah. Jika batu atau daun boleh terima, tetapi yang banyak adalah plastik. Itu belum lagi hidupan laut kecil lain yang tidak laku dijual, sudahnya hanya beberapa butir kerang yang dapat sekali sauk," katanya.

Bagi nelayan, Mohd Fadhillah Kahar, 34, dia mengakui tertekan kerana tidak mampu menjual kerang berikutan kekangan wang untuk membeli minyak bot disebabkan tidak banyak kerang diperoleh beberapa hari sebelum itu.

"Bila kurang dapat kerang, hasil jualan tidak cukup untuk 'pusingan modal' membeli minyak. Beberapa tahun kebelakangan, keadaan kami perit sekiranya bergantung sepenuhnya kepada hasil kerang kerana kadangkala hanya satu atau dua kilogram saja yang dapat," katanya.



Nelayan mendakwa keadaan Sungai Buloh sekarang begitu berbeza berbanding beberapa tahun lalu yang jernih.



Mohd Fadhillah menunjukkan sumpah sarap yang mencemari Sungai Buloh di Jeram.



Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof Dr Ahmad Ismail menunjukkan hasil tangkapan kerang.

Katanya, keadaan semakin hari bertambah buruk dan menjangkakan kerang di kawasan berkenaan akan pupus pada masa hadapan.

"Saya ke laut sejak kecil bersama ayah dan ketika itu Sungai Buloh begitu jernih, ada ketika boleh nampak dasarnya. Hari ini, sungai ini sangat keruh dan ada kala berwarna hitam, mungkin kesan pencemaran.

"Kerang tidak boleh hidup dalam tanah yang cair di dasar. Apabila habitat tercemar dan penuh sampah sarap, ia akan memburukkan lagi keadaan," katanya yang mengambill masa berjam-jam setiap hari untuk mendapatkan hasil kerang disebabkan sampah yang terlalu banyak.



Di bawah pemerhatian jabatan, sungai yang memberi kesan tidak sihat kepada habitat ikan khususnya kerang adalah di daerah Kerian, selain daerah Larut, Matang dan Selama di Perak serta Sungai Buloh di Selangor.

Ahmad Tarmidzi Ramly,
Ketua Pengarah Perikanan

Tanah menjadi hitam dan air sungai ini seolah-olah seperti air longkang, tetapi kami sebagai nelayan yang tiada sumber pendapatan lain terpaksa bergantung dengan rezeki di sini. Sekarang untuk dapat RM15 sehari pun susah.

Kahar Buntal,
Nelayan

Bila kurang dapat kerang, hasil jualan tidak cukup untuk 'pusingan modal' membeli minyak. Beberapa tahun kebelakangan, keadaan kami perit sekiranya bergantung sepenuhnya kepada hasil kerang.

Mohd Fadhillah Kahar,
Nelayan

Pencemaran punca hidupan sungai kurang mendadak

Putrajaya: Jabatan Perikanan mengesahkan pencemaran Sungai Buloh, di Jeram, Selangor, menyebabkan hidupan sungai seperti kerang di kawasan muara sistem saliran itu berkurangan secara mendadak sejak beberapa tahun lalu.

Ketua Pengarah Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramly, berkata Sungai Buloh adalah antara sungai dalam pemerhatian jabatan itu kerana keadaannya kini memberi kesan kepada habitat, khususnya kerang.

"Di bawah pemerhatian jabatan, sungai yang memberi kesan tidak sihat kepada habitat ikan khususnya kerang adalah di daerah Kerian, selain daerah Larut, Matang dan Selama di Perak serta Sungai Buloh di Selangor.

"Bagaimanapun, habitat di semua kawasan itu masih terkawal di mana pemantauan secara berkala dilakukan pihak jabatan," katanya kepada BH.

BH difahamkan, hasil data yang direkod bagi 2019, sebanyak 18.16 tan kerang didaratkan di kawasan perairan itu, manakala bagi 2020 pula meningkat kepada 59.76 tan, namun disokong program 'penternaan' diusahakan jabatan itu yang mewujudkan lot bersistem bagi membantu nelayan sekitar.

Mengulas perkara itu, Ahmad Tarmidzi, berkata pendapatan nelayan kecil yang mengutip benih atau kerang dewasa dari kawasan semulajadi untuk dijual, tidak boleh dibandingkan dengan ternakan kerang di lot yang bersistem dan melalui tem-

poh ternakan yang lama.

"Bagi pengusaha kerang atau nelayan berdaftar, satu lot kerang yang berkeluasan 50 hektar diperuntukkan kepada satu kumpulan yang biasanya mempunyai 10 ahli.

"Daripada data yang direkodkan, tempoh kerja selama enam jam boleh menghasilkan 20 goni kerang yang bersamaan 600 kilogram dengan anggaran nilai sebanyak RM12,000," katanya.

Tambah beliau, penderatan kerang secara semulajadi dan penternaan juga tidak boleh dibuat perbandingan kerana perlu mengambil kira beberapa perkara seperti kos kultur kerang, proses serakan, kecurian, pembersihan, penggredan dan penghantaran.

"Meskipun begitu, pihak jabatan sentiasa proaktif dan komited membantu nelayan kecil melalui projek penternaan kerang-kerang.

"Sebagai contoh, melalui persatuan seperti myKP Sungai Sembilang yang menternak kupang di Sungai Sembilang, nelayan di situ mengkultur kupang menggunakan Mini Smartline Selangor di Jeram, yang dilihat berjaya menghasilkan sebanyak dua tan kerang pada tahun lalu.

"Selain itu, mereka juga meraih 600 kilogram tiram pada tahun ini dengan nilai RM5,400. Jabatan Perikanan memberi khidmat nasihat teknikal dari semasa ke semasa sehingga golongan ini mampu berdirikan mengkultur dan mendaratkan hasil yang konsisten," katanya.

Jabatan Perikanan mengesahkan pencemaran menyebabkan hidupan sungai berkurangan secara mendadak sejak beberapa tahun lalu.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/12/2020	UTUSAN MALAYSIA	EKONOMI	37



NUR Aimi Razak dan Rozaidah Mohd. Kassim melihat proses pembuatan dodol. - UTUSAN/SAFINA RAMLI

Rancang guna platform e-dagang Dodol Desaku perluas pasaran

INSPIRASI NIAGA

Oleh SAFINA RAMLI
ekonomiutusan@mediamula.com.my

BALIK PULAU: Pengusaha Dodol tradisional yang dijenamakan semula dengan menggunakan jenama Dodol Desaku, merancang meluaskan pasaran makanan tradisi itu menerusi platform e-dagang.

Pemilik Fnc Kola Enterprise, Nur Aimi Razak, 28, berkata, pihaknya merancang untuk memasarkan Dodol Desaku menerusi platform e-dagang terkenal seperti Alibaba bagi membolehkan capaian pelanggan di seluruh dunia termasuk penggemar dodol di India, Australia, United Kingdom, China dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Nur Aimi berkata, pada masa ini Dodol Desaku telah dijual secara dalam talian menerusi platform Shopee, Facebook, Insta-



PEMILIK Fnc Kola Enterprise, Nur Aimi Razak dan ibunya, Rozaidah Mohd. Kassim di hadapan kedai mereka di Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau, Pulau Pinang. - UTUSAN/SAFINA RAMLI

gram dan platform dalam talian, AgroBazar Online.

"Pada masa situasi pandemik Covid-19, kami tidak dapat bernia-

ga menggunakan kaedah biasa seperti di bazaar atau di ekspo.

"Permintaan untuk dodol sentiasa ada, jadi saya mengambil inisiatif untuk meluaskan lagi pasaran Dodol Desaku menerusi pasaran dalam talian termasuk platform e-dagang," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Nur Aimi berkata, Dodol Desaku hasil air tangan ibunya, Rozaidah Mohd. Kassim, 52, mula berada di pasaran pada 2011 selepas ibunya mengikuti kursus usahawan anjuran Jabatan Pertanian di Manong, Perak.

"Ibu saya yang memulakan perniagaan ini di Kuala Sungai Pinang dan kemudiannya saya yang bertugas di bank, mengambil keputusan membantu beliau dalam bidang pemasaran.

"Segala urusan berkaitan pengeluaran diuruskan oleh ibu yang lebih mahir selok-belok resepi dodol dan saya pula fokus untuk mengembangkan lagi pasaran produk kami," katanya.

Nur Aimi, graduan dalam bidang Pengurusan Perniagaan (Perbankan) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Merbok berkata, penggunaan dapur moden dan mesin khas yang diperolehi daripada geran Jabatan Pertanian melicinkan lagi operasi pembuatan dodol itu.

"Dodol perlu dimasak selama 10 jam, kami mempunyai dua buah mesin yang masing-masing boleh memasak dodol sehingga 30 dan 50 kilogram sekali masak.

"Dalam seminggu, kami

“ Pada masa situasi pandemik Covid-19, kami tidak dapat berniaga menggunakan kaedah biasa seperti di bazaar atau di ekspo. ”

NUR AIMI

akan memasak dodol sebanyak dua kali dan di dalam sebulan sekurang-kurangnya 200 hingga 300 kilogram dodol dapat dihasilkan," katanya.

"Tambahan, Dodol Desaku boleh didapati menerusi ejen-ejen syarikat mereka di Selangor, Johor, Kuala Lumpur dan Perak.

"Kami juga merancang untuk melihat produk Dodol Desaku berada di seluruh negara menerusi kios-kios khas dan sistem ejen," katanya.

Nur Aimi menambah, selain dodol, Fnc Kola Enterprise turut mengeluarkan pes rendang, pes sambal kacang dan pes ayam pedas sebagai produk hiliran.

Katanya, produk-produk keluaran mereka seperti dodol yang dijual serendah RM0.80 sen sepeket (bersaiz kecil) boleh didapati di platform online seperti Dodol Penang by Fnc Kola (Facebook), Dodol Penang (Instagram), Fnc Kola Food Resources (Shopee).



MPIB strives to empower pineapple sector through young agropreneurs

PONTIAN: The national pineapple industry will continue to be enhanced and empowered by attracting more young agropreneurs to venture into this sector which is categorised as the new source of wealth for the country.

Malaysian Pineapple Industry Board (MPIB) deputy director-general Mohd Khairuzamri M. Salleh said the mission to double the production of pineapple would be achievable with the involvement of more youths not only to meet the demand from

overseas but also in the domestic market.

He said various efforts had been implemented and would continue to be drafted by MPIB Young Agropreneur unit such as providing grants under the MPIB Young Agropreneur Programme to achieve the objective as well as making the pineapple cultivation sector more modern, dynamic and progressive.

The Youth Agropreneur Grant from the Ministry of Agriculture and Food Industries

(MAFI) is given to young agropreneurs aged 18 to 40 who are involved in pineapple cultivation in the form of agricultural input and plantation equipment.

Grants of RM4,489mil had been allocated since 2018, comprising RM1.42mil in 2018, RM1.01mil in 2019 and RM2.05mil in 2020, he said.

Mohd Khairuzamri said to-date, a total of 234 young pineapple agropreneurs nationwide were successfully produced involving 202 participants in the plantation sector and

32 participants in the agro-based industry.

"With the advancement in technology which is becoming sophisticated and with the Fourth Industrial Revolution which can be applied in agriculture specifically in pineapple cultivation, MPIB hopes the youths will come forward with fresh ideas to develop this industry. "Some 60% of the existing entrepreneurs are around 60 years old wherein among them acceptance of technology is difficult," he said. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/12/2020	HARIAN METRO	BISNES	20



MOHD Khairuzamri (tengah) memberi penerangan kepada Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah di kebun nanas di Parit Sikom, Pontian.

Geran perkasa pengeluaran nanas

Pontian: Industri pengeluaran nanas negara akan terus dipergiat dan diperkasakan dengan menarik lebih ramai agropreneur muda untuk terbabit dalam tanaman komoditi itu yang dikategorikan sebagai sumber kekayaan baharu negara.

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Lembaga Perindustrian Nanas Mala-

ysia (LPNM), Mohd Khairuzamri M Salleh berkata, misi menggandakan hasil pengeluaran nanas negara mampu dicapai dengan pembabitan lebih ramai golongan muda bukan sahaja untuk menampung permintaan dari luar negara malah di peringkat domestik.

Beliau berkata, pelbagai usaha sudah dilaksanakan

dan akan terus dirangka oleh unit Agropreneur Muda LPNM seperti pemberian geran Program Agropreneur Muda LPNM bagi mencapai matlamat berkenaan sekaligus menjadikan sektor penanaman nanas moden dinamik dan progresif.

Mohd Khairuzamri berkata, Geran Agropreneur Muda (GAM) daripada Kementerian

an Pertanian dan Industri Makanan itu diberikan kepada agropreneur muda berusia 18 hingga 40 tahun yang terbabit dengan tanaman nanas dalam bentuk barangan seperti input pertanian dan peralatan perladangan.

Geran RM4.489 juta sudah diperuntukkan sejak 2018 yang membabitkan RM1.42 juta pada 2018, RM1.01 juta (2019) manakala RM2.05 juta pada 2020, katanya.

LPNM giat perkasa sektor nanas

Menarik lebih ramai agropreneur muda terlibat dalam tanaman komoditi itu

PONTIAN

Industri pengeluaran nanas negara akan terus di-pergiat dan diperkasakan dengan menarik lebih ramai agropreneur muda untuk terlibat dalam tanaman komoditi tersebut yang dikategorikan sebagai sumber kekayaan baharu negara.

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Mohd Khairuzamri M. Salleh berkata, misi meng-gandakan hasil pengeluaran nanas negara mampu dicapai dengan penglibatan lebih ramai golongan muda bukan sahaja menampung permintaan dari luar negara malah di peringkat



Ahmad (dua dari kanan) diberi penerangan oleh Mohd Khairuzamri pada lawatan kerja ke kebun nanas Abdul Rahman Ahmad (kiri) di Parit Panjang, Pontian.

domestik.

Beliau berkata, pelbagai usaha telah dilaksanakan dan akan terus dirangka oleh unit Agropreneur Muda LPNM seperti pemberian geran 'Program Agropreneur Muda LPNM' bagi mencapai matlamat berke-naan sekali gus menjadikan sektor penanaman nanas moden, dinamik dan progresif.

Mohd Khairuzamri berkata, Geran Agropreneur Muda (GAM) daripada Kementerian

seramai 234 agropreneur muda nanas dari seluruh negara berjaya dilahirkan yang membabitkan 202 peserta bagi sektor tanaman manakala 32 peserta bagi sektor industri asas tani.

"LPNM harap perkembangan teknologi yang semakin canggih boleh diaplikasikan dalam pertanian khususnya dalam tanaman nanas, orang muda akan tampil ke depan membangunkan industri ini.

"60 peratus daripada peng-usaha ketika ini berumur sekitar 60 tahun di mana penerimaan dalam kalangan mereka terhadap teknologi agak sukar apabila kebanyakan amalan dalam industri nanas masih konvensional dengan penggunaan buruh. Jadi, ini yang kita hendak ubah penglibatan lebih ramai dalam kalangan anak muda mencorakkan pemodenan industri nanas itu sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Bernama selepas sesi tinjauan mesra usahawan muda agropreneur tanaman nanas di

kebun nanas di Parit Sikom, di sini, baru-baru ini, yang turut dihadiri Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah serta Ahli Parlimen Pontian Datuk Seri Ahmad Maslan.

Mohd Khairuzamri berkata dalam suasana pandemik ketika ini kaedah pemasaran dalam norma baharu perlu diperingkat seperti di laman sosial Facebook dan Instagram.

Terkini, katanya, LPNM sedang mengadakan kerjasama dengan platform e-dagang terkenal Shopee Malaysia yang bertujuan untuk memperluas produk usahawan nanas dalam talian dengan mengumpul semua pengusaha nanas dalam satu platform.

Katanya, LPNM menggalakkan program perluasan tanaman nanas secara integrasi yang memberi manfaat kepada pengusaha dan pekebun kecil dalam mempelbagaikan hasil tanaman dalam satu kawasan.

- Bernama

Bena perangancam pesawah padi

Oleh WAT KAMAL ABAS

BAGAN SERAI - Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Perak mencadangkan agar bena perang yang merupakan serangga perosak tanaman padi dikategorikan sebagai musibah akibat bencana. Cadangan tersebut dibuat

bagi membolehkan para petani yang pokok padinya musnah diserang bena perang itu layak mendapat bantuan daripada Tabung Bencana.

Difahamkan, serangan bena perang akan menyebabkan pokok padi dalam satu petak sawah rosak sepenuhnya dalam tempoh dua hari.

Pengerusi PPN Perak, Datuk Sham Mat Sahat berkata, cadangan itu akan membolehkan petani yang mengalami kerugian akibat serangan serangga itu mendapat bantuan bencana.

"Sebelum ini, bena perang tidak dikategorikan sebagai bencana dan ia menyebabkan pengusaha sawah padi yang diserangnya tidak boleh mendapat bantuan.

"Ketika ini, hanya sawah padi yang dilanda ancaman kemarau dan banjir sahaja yang layak terima bantuan bencana," katanya ketika ditemui pemberita selepas hadir ke program Jom Isi Minyak di Petronas Batu 10 di sini, semalam.



KEADAAN tanaman padi yang rosak akibat serangan bena perang di kawasan Bagan Serai baru-baru ini.

Tambah Sham, pihaknya telah meminta Jabatan Pertanian untuk membuat bantian keluasan sawah yang terjejas akibat serangan bena perang di kawasan Kerian Laut termasuk Kuala Kurau dan Tanjung Pliandang.

"Bantian ini perlu di buat segera untuk dikemukakan ke-

pada Kerajaan Pusat dan negeri supaya bantuan bencana dapat disalurkan kepada pesawah padi yang terjejas.

"Selain dari itu, bantian berkenaan bertujuan bagi mengelak nasi racun yang sesuai perlu digunakan bagi mengawal bena perang di kawasan itu tidak me-

rebak masuk ke kawasan blok pesawah di kawasan Bagan Serai, Beriah, Semangol dan Selinsing," katanya.

Menurut Sham, pihaknya bimbang serangan bena perang tersebut tidak dapat dikawal dan merebak ke kawasan Kerian.

Katanya, pihaknya juga telah

mengadakan pertemuan dengan lima pertubuhan peladang kawasan (PPK) di Kerian.

"Kita akan membawa perkara ini ke peringkat menteri agar cadangan yang dikemukakan dapat dipertimbangkan termasuk isu potongan tinggi yang dikenakan terhadap pesawah.

28/12/2020

HARIAN
METRO

BISNES

20



MEDAC sedia beri tunjuk ajar untuk menjadi petani moden.

Saran belia, siswazah jadi usahawan tani

Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac) menyarankan agar lebih ramai belia dan siswazah yang menganggur menjadi usahawan tani.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pihaknya bersedia memberi tunjuk ajar kepada golongan itu untuk menjadi petani moden.

Beliau berkata, langkah itu juga dapat membantu negara menangani masalah berkaitan pengangguran dan keselamatan makanan.

Katanya, Malaysia terlalu bergantung pada produk berasaskan pertanian yang diimport dan sudah tiba masanya untuk lebih ramai rakyat Malaysia membabitkan diri dalam ekosistem sektor pengeluaran makanan.

"Pada 2019, dilaporkan jumlah import pertanian Malaysia kira-kira AS\$18.3 bilion (RM74.31 bilion), apabila kira-kira tujuh peratus ber-sumber dari Amerika

Syarikat.

"Isu kartel daging baru-baru ini patut menjadi membuka minda mengenai perlunya rakyat Malaysia supaya terbabit dalam pengeluaran makanan terutama makanan halal.

"Kami mahu lebih ramai belia dan siswazah menganggur menjadi pengusaha pertanian. Mereka perlu ubah fikiran mereka dan jangan hanya fokus untuk makan gaji.

"Mereka perlu meninjau potensi perniagaan yang sangat besar di sektor pengeluaran makanan," katanya.

Menurutnya, Medac melalui agensi seperti Tekun Nasional dan SME Corp, tampil dengan pelbagai program dan insentif bertujuan menghasilkan lebih banyak usahawan tani.

Menurutnya, Medac turut bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi)

untuk terus maju dalam sektor pengeluaran makanan negara melalui pertanian moden.

**Tiba masanya
lebih ramai rakyat
Malaysia babitkan diri
dalam sektor
pengeluaran makanan**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/12/2020	SINAR HARIAN	SUARA SINAR	16

Kita yang terleka

AMAT jelas sekali kita semua sentiasa sibuk dengan hal remeh-temeh, sentiasa bercakaran dengan isu politik kepartian dan isu perkauman sempit yang tidak berkesudahan.

Kerana sikap tersebut dan kelekaan masing-masing, kita menerima padah apabila dua 'tragedi' besar yang berlaku nyata menunjukkan kecuaiannya kita semua.

Pertama, bagaimana sempadan negara di-biarkan dibolosi dengan mudah apabila sindiket pemalsuan cap sempadan didalangi pegawai dan anggota imigresen sendiri.

Kegiatan itu melibatkan pasport warga asing yang dicap di sempadan walaupun pemilik dokumen tidak keluar dari Malaysia.

Golongan yang sepatutnya menjadi pelindung kepada kemasukan warga asing secara haram dengan mudah menggadaikan negara kerana tergoda dengan habuan wang ringgit dan kereta mewah.

Kita yang terleka kerana membiarkan mereka bebas melakukan jenayah tersebut sejak sekian lama.

Tragedi kedua yang cukup mengecewakan adalah taktik jahat kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum membungkus semula daging tersebut dengan logo halal dan menjualnya ke pasaran seluruh Malaysia.

Kartel yang menyamar sebagai syarikat pembekal daging sejuk beku membuat label dan cap palsu yang kemudiannya ditampal pada kotak daging yang telah dibungkus semula itu.

Tindakan itu dibuat bagi meyakinkan pemborong di Malaysia kononnya bekalan daging sejuk beku itu diperolehi dari negara yang dibenarkan pengimportannya sebelum dipercayai diedar ke pasaran tempatan.

Entah berapa lama kita sudah memakan daging yang tidak diketahui halal haram, bahkan paling dibimbangi tidak tahu daging binatang apa yang telah dijamah selama ini.

Sekali lagi kita terleka, mudah percaya dan membiarkan golongan berkenaan terus menerus menipu kita demi keuntungan singkat.

Sekiranya kita terus terleka dan tidak berbuat apa-apa, kita akhirnya akan sentiasa menjadi golongan yang sentiasa mudah diperdaya.

Kita tidak mahu Malaysia menjadi hab penipuan kerana warganya yang sentiasa leka.

Kita perlu bertindak segera sebelum nasi menjadi bubur!

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/12/2020	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	28

Pas Kelantan yakin pilihan pimpinan parti

TUMPAT - Pas Kelantan yakin pimpinan tertinggi parti akan membuat pilihan terbaik dan rasional membabitkan isu bersama Muafakat Nasional (MN) dan Perikatan Nasional (PN) menjelang Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Setiausaha Pas Kelantan, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, kepentingan agama akan menjadi keutamaan dalam semua keputusan dibuat kerana itu menjadi harapan rakyat.

Katanya, rakyat sudah melalui pengalaman berada di bawah pimpinan Pakatan Harapan sepanjang 22 bulan.

“Untuk hidup dalam politik, pemimpin mesti membuat keputusan yang sesuai dengan kehendak dan menyelamatkan rakyat,” katanya selepas menghadiri Majlis Santai Peladang di sini Ahad.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II mengulas kenyataan Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman yang mahu Pas membuat pendirian yang jelas sama ada ingin bersama MN atau PN pada PRU15 nanti.

Pada program sama Ahli Parlimen Tumpat itu turut menyampaikan sumbangan kepada asnaf di samping menziarahi 10



Che Abdullah (kiri) bersama isteri, Datin Saleha Yaacob dan Mohd Rusli (kanan) ketika menyampalkan sumbangan kepada Mek Mas Hamat, 67, yang uzur sempena program Santai Peladang pada Ahad.

keluarga asnaf terpilih yang turut dihadiri Adun Wakaf Bharu, Mohd Rusli Abdullah.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata, sehingga kini keputusan Pas konsisten dan memperkukuhkan MN serta mempertahankan PN.

“Maknanya kerajaan hari ini perlu dipertahankan sehingga PRU akan datang. Kita cukup yakin yang kerajaan hari ini disokong oleh rakyat,” katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai program Santai Peladang pula Che Abdullah berkata, kesemua penerima hari ini mendapat sumbangan menerusi peruntukkan RM1.4 juta zakat

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) tahun ini.

Katanya, daripada jumlah tersebut sebanyak RM100,000 diagihkan untuk asnaf di Kelantan.

“Sebanyak RM3.91 juta wakalah zakat Nafas diagihkan melalui Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang dijangka memberi manfaat kepada lebih 19,550 keluarga seluruh negara.

“PPN Kelantan menerima wakalah zakat Nafas i berjumlah RM80,000 manakala sebanyak RM340,000 lagi untuk diagihkan kepada 34 PPK di dalam negeri Kelantan,” katanya.



KERAJAAN harus memberi peluang kepada peneroka bumiputera untuk aktif dalam sektor pertanian yang mampu membantu ekonomi negara. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

Bantulah kami bertani

SAUDARA PENGARANG,

SEBAGAI seorang petani bumiputera, saya kecewa apabila tidak diberikan hak untuk memiliki tanah sehingga menyebabkan kami tidak dapat berinovasi, sekali gus mencari sumber pendapatan.

Kekangan masalah kewangan serta harga tanah yang mahal menyekat usaha kami untuk melibatkan diri dalam pertanian.

Rakyat seperti kami berasa amat beruntung sekiranya kerajaan dapat membela nasib bumiputera untuk memiliki serta dapat membimbing dalam mengusahakan tanah.

Kerajaan harus memberi peluang kepada peneroka memulakan proses penyediaan tanah untuk diteroka ataupun tanah telah diteroka yang tidak melanggar kawasan

hutan kekal dan hutan simpan.

Walaupun kawasan hutan itu diteroka, namun ia akan digantikan dengan penanaman pokok. Ia tidak menjejaskan keadaan tanah asal.

Melalui bimbingan dan saranan kerajaan juga akan membantu peneroka menstabilkan semula kawasan penerokaan. Ramai dalam kalangan bumiputera begitu terkilan apabila proses pemilikan tanah yang diteroka masih tidak diluluskan walaupun telah menghantar permohonan kepada pihak berwajib.

Oleh itu, besar harapan saya sekiranya pihak berwajib dan kerajaan dapat membantu usaha kami dalam bidang pertanian.

ANAK PENEROKA

Gerik, Perak

Lega keputusan mahkamah terhadap 204 pekebun musangking - Ustaz Idris

Oleh NOR HAZWANI NOH

KUALA LUMPUR: "Keputusan yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Kuantan mengenai 204 pekebun durian musangking bagi mendapat semakan kehakiman adalah satu keputusan yang melegakan untuk semua khususnya rakyat di negeri Pahang," kata Naib Presiden PAS, Senator Ustaz Idris Ahmad.

Menurut beliau, soal keadilan tiada siapa boleh mengatasi undang-undang dan pekebun yang terlibat perlu faham bahawa tanah yang diteroka itu bukan milik mereka.

"Mereka melakukan satu bentuk pencerobahan bu-



Senator Ustaz Idris Ahmad

kan hak milik untuk diusahakan, kebetulan pula tanah yang begitu luas diteroka oleh mereka hanyalah dapat dinikmati segelintir

sahaja dari kalangan tanke-tanke besar dalam mengusahakan ladang musangking ini," katanya ketika dihubungi Harakah, Khamis.

Selubungan itu, beliau berharap semua pihak dapat menerima keputusan ini.

Beliau juga berharap pihak berkuasa bertindak tegas terhadap penceroboh tanah-tanah kerajaan tanpa memilih bulu.

Pada 23 Disember lepas, Mahkamah Tinggi Kuantan yang diketuai oleh hakim Dato' Zainal Azman Ab Aziz menolak permohonan pendengaran kes semakan kehakiman yang difailkan terhadap 204 pekebun durian di Raub bagi mengetepikan notis pengosongan tanah

yang dikeluarkan kerajaan Pahang terhadap mereka sebelum ini.

Terdahulu, satu pertumpuan Anti Pencerobohan Tanah Haram telah diadakan Raub, Pahang.

Ia bertujuan untuk mempertahankan tanah yang telah diceroahi secara haram oleh pengusaha durian musangking di Raub.

Perhimpunan aman itu dihadiri pelbagai Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Gerakan Pembela Ummah (UMMAH), Generasi Warisan Kebangsaan (Generasi), Pertubuhan Melaju Islam Seluruh Raub, termasuklah Persatuan Veteran Tentera, Polis dan beberapa persatuan lain.

180 firms using Musang King name

Chinese companies beat M'sians in trademarking

CHINESE businesses have beaten Malaysians in trademarking the word Musang King – a local variant of the king of fruits – with nearly 200 companies using the name in their products, *Sin Chew Daily* reported.

This was discovered after local Intellectual property service company Trademark2u's application for a trademark in China was rejected by authorities there.

According to its chief executive Lawrence Yip, there are 160 companies which have trademarks with the word "Mao Shan Wang" (Chinese for Musang King) and 20 others containing "Musang King".

To protect Malaysian interests as the producer of the fruit, Yip urged

the government to take legal action in Chinese courts to strike out the Musang King trademark.

He said if the China Trade Mark Office and courts recognised Musang King as a popular durian variant produced exclusively in Malaysia, they could remove existing trademarks containing the name.

The Musang King durian, which could fetch about 200 to 300 yuan (RM124 to RM186) per kilo, are a popular delicacy in China.

It was reported that a record total of 300,000 Musang King durians were snapped up during the 2020 China-Malaysia (Guangxi) online durian festival in October.

> The daily also reported that



What's in a name?: An application to trademark the name was rejected by authorities in China.

Speaking during the 14th-Huazhong Youth annual general assembly on Saturday, Goh said based on government statistics, 25% or 75,000 out of 300,000 graduates could not find a job due to the pandemic.

More than 60% of youth who lost

their jobs this year have applied for unemployment benefits from Socso, he added.

Goh urged youth at the assembly to consider entering politics in order to shape legislation for the betterment of the nation.

CEROBOH TANAH

Pekung pekebun durian yang dibela DAP terdedah, PAS sokong keputusan mahkamah

Oleh EVA NATASHA SADALI

KUALA LUMPUR: Usaha pemimpin DAP mahu membela 204 pekebun durian di Raub tidak kesampaian apabila Mahkamah Tinggi Rabu lepas menolak permohonan pendengaran kes semakan kehakiman.

Pekebun durian yang menceroboh tanah kerajaan negeri itu dibela peguam Siew Choon Jern dan Brendan Silva. Kes tersebut dikendalikan di hadapan Hakim Dato' Zainal Azman Ab Aziz.

Mahkamah menyifatkan notis pengusiran yang dikeluarkan kerajaan negeri bukan merupakan keputusan atau tindakan yang berada di bawah lingkungan semakan kehakiman.

Pihak responden diwakili Peguam Kanan Persekutuan, Noor Fadzila Ishak.

Tindakan menceroboh itu menyebabkan kerajaan Pahang mengalami kerugian kira-kira RM30 juta dalam tempoh 10 tahun kerana hilang hasil cukai tanah kebun haram.

Mengulas isu tersebut Pesuruhjaya PAS Pahang Ustaz Rosli Abdul Jabar berkata, pekebun Musang King perlu menerima keputusan mahkamah berhubung notis arahan pengosongan tanah yang dikeluarkan kerajaan Pahang.

Katanya, keputusan tersebut sebagai langkah awal bagi memastikan pembukaan tanah secara haram tidak berleluasa pada masa akan datang.

Menteri Besar Pahang Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail mahu penguatkuasaan ke atas kebun durian dilaksanakan seperti kes penerokaan tanah secara haram di Lembah Bertam dan Sungai Ichat di Cameron Highlands.

LANJUT DI MUKA H3



LAWAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) Dato' Takiyuddin Hassan melawat kompleks Mahkamah Majistret Baling, Kedah, yang terletak di Jalan Mahmud baru-baru ini. Bangunan mahkamah itu mula beroperasi pada 2006.

Terima keputusan Mahkamah - PJ Pahang

Oleh EVA NATASHA
SADALI

KUALA LUMPUR: PAS Pahang meminta para peneroka tanaman Musang King menerima keputusan Mahkamah Tinggi Kuantan berhubung notis arahan pengosongan tanah yang dikeluarkan Kerajaan Pahang.

Keputusan mahkamah tersebut adalah langkah awal bagi memastikan agar pembukaan tanah secara haram tidak berleluasa pada masa akan datang.

Walaupun bagaimanapun, Pesuruhjaya, Rosli Abdul Jabar berkata, pihaknya mengharapkan agar pihak pengurusan peneroka tanah dapat berunding dengan pihak kerajaan negeri bagi membantu peneroka-peneroka durian Musang King ini meneruskan tanamannya.

"Kita yakin bahawa pihak kerajaan negeri akan mengambil kira semua alasan ataupun hujah yang dikemukakan daripada pihak pertanian memandangkan Musang King adalah di antara produk negeri Pahang yang sedikit sebanyak menyumbang kepada ekonomi negeri berkenaan.



Rosli Abdul Jabar

"Oleh kerana itu, kita mengharapkan agar pihak pekebun terus mengadakan rundingan dengan pihak kerajaan negeri dan kita yakin insyaAllah akan ada satu keputusan yang baik buat kedua-dua pihak," ujarnya ketika dihubungi HarakahDaily hari ini.

Dalam pada itu, beliau menegaskan agar para pengusaha tanaman tersebut mematuhi segala prosedur yang ditetapkan oleh pihak Pejabat Tanah melalui permohonan yang sah dengan tidak meneroka mana-mana tanah sewenang-wenangnya bagi mengelakkan sebarang tindakan undang-

undang diambil ke atas mereka.

Sebelum ini, pekebun itu memfailkan permohonan bagi mendapatkan kebenaran menyemak notis pengosongan tanah yang ditanam pokok durian Musang King di sekitar Raub, kira-kira 170 kilometer dari sini, termasuk di Sungai Ruan, Sungai Chalit, Sungai Klau yang dianggarkan seluas 2,167 hektar.

Sebanyak 110 pekebun memfailkan permohonan itu pada 28 Ogos lalu, manakala bakiannya membuat permohonan serupa pada 9 September dengan menamakan Pentadbir Tanah Daerah Raub, Pengarah Perhutanan Pahang, pihak berkuasa negeri, kerajaan negeri Pahang, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP) dan Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd sebagai responden.

Selain untuk menyemak arahan pengosongan tanah di bawah Kanun Tanah Negara dan Akta Perhutanan Negara 1984, mereka juga mahu mendapatkan kebenaran semakan kehakiman terhadap keputusan kerajaan

negeri yang didakwa memberikan pajakan dan hak penggunaan tanah kebun itu kepada syarikat Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd.

Pemohon juga mahu menyemak keputusan pemberian subpajakan tanah kepada mereka dan kewajiban mandatori untuk menjual durian itu kepada satu-satu entiti yang dicalonkan oleh Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn Bhd.

Walaupun bagaimanapun, Mahkamah Tinggi Kuantan telah menolak permohonan plaintif (pekebun) tersebut atas dua alasan, iaitu pekebun tidak seharusnya membuat permohonan kebenaran semakan kehakiman kerana notis pengosongan yang dikeluarkan pentadbir tanah, bukanlah satu keputusan atau tindakan yang boleh disemak di mahkamah.

Selain itu, mahkamah juga mendapati pekebun ialah penceroboh di tanah berkenaan, sebagai pihak yang penceroboh, mereka tidak mempunyai locus standi (hak di sisi undang-undang) untuk memfailkan permohonan semakan kehakiman ini.

Amaran buat penceroboh - UMMAH Pahang

KUALA LUMPUR: UMMAH Pahang mendukung keputusan Mahkamah Tinggi Kuantan yang menolak permohonan pendengaran kes semakan kehakiman yang difailkan 204 pekebun durian Raub bagi mengetepikan notis pengosongan tanah yang dikeluarkan kerajaan Pahang terhadap mereka sebelum ini.

Pengerusi Gerakan Pembela Ummah (UMMAH) Pahang, Ustaz Roslan Md Esa berkata, keputusan mahkamah yang diputuskan Hakim Dato' Zainal Azman Ab Aziz itu adalah satu peringatan dan amaran kepada pihak yang cuba-cuba untuk terlibat dalam kegiatan pencerobohan tanah di Raub bahkan di seluruh negeri Pahang.

"Isu pencerobohan tanah di Raub ini telah berlaku dan berlangsung di mahkamah beberapa bulan yang lalu dan kita menyaksikan hari ini Hakim telah membuat keputusan dan beliau berpandangan bahawa pencerobohan adalah satu jenayah dan wajar diambil tindakan terhadap perbuatan tersebut.

"Seterusnya, dia (Hakim) menekankan perihal sistem permohonan pemilihan tanah yang mana ia perlu dinaik taraf dan ditambah baik.

"Selain itu, concern daripada Yang Arif ialah kawasan itu adalah kawasan tadahan air dan ada kepentingan keperluan untuk menjaga alam sekitar," ujar beliau.

Beliau yang juga merupakan Pengerusi GENERASI menambak, pihaknya tidak akan berkompromi sama sekali terhadap penjajahan alam sekitar termasuklah pencerobohan tanah kerajaan negeri.

"Kita (UMMAH) meletakkan kepercayaan dan keyakinan sepenuhnya kepada Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail bagi membanteras habis-habisan terhadap pencerobohan tanah di seluruh negeri Pahang.

"Pihak UMMAH sudah mengadakan pertemuan secara langsung dengan Pegawai Daerah Pentadbir Tanah Daerah di Raub bagi menyelesaikan isu tersebut.

"UMMAH tidak akan sekali-kali bertolak ansur terhadap isu penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan, apa yang benar adalah benar, yang salah tetap salah," ujar Roslan lagi.

Jelasnya ketika diminta mengulas mengenai pendirian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tras, Chow Yu Hui yang in-



Ustaz Roslan Md Esa

gin membela nasi peneroka-peneroka tanah tersebut katanya, rakyat akan menjadi saksi dan mengukuhkan perbuatannya jika mereka membela pihak yang salah.

Roslan turut memaklumkan, pihak-pihak berkuasa seperti pihak berkuasa tempatan, pihak Pejabat Daerah Raub dan pihak polis akan melaksanakan penguatkuasaan ke atas pekebun-pekebun durian tersebut.

Katanya, isu tersebut membimbangkan rakyat Pahang yang khuatir nasib tanah tersebut akan diberikan kepada mereka yang penceroboh walaupun mahkamah telah menetapkan prosedur yang harus dipatuhi, maka keputusan yang cukup bijak telah diputuskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Kuantan setelah meneliti semula kes dengan cermat.

"Kita menghormati perintah mahkamah apabila mahkamah membenarkan kes ini dibaca semula pada tarikh yang telah ditetapkan sehinggalah membawa kepada keputusan yang ada pada hari ini," jelasnya.

UMMAH Pahang turut menzahirkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam prosiding di Mahkamah Tinggi Kuantan hari ini.

"InsyaAllah kita yakin dan percaya apa yang kita buat adalah untuk kepentingan generasi kita pada masa akan datang, hal-hal yang berkaitan dengan orang Melayu, tanah, Raja dan Berpelembagaan, kedaulatan undang-undang mesti dipatuhi oleh semua rakyat Malaysia.

"Saya fikir mereka sudah mendapat laba (keuntungan) yang cukup banyak di atas tanah yang mereka ceroboh sekian lama, tanah tersebut adalah hak kerajaan negeri dan tetap akan menjadi haknya, sudah tiba masanya mereka untuk berundur," tambah Roslan.

Salah tetap salah!

ISU utamanya ialah tentang pencerobohan tanah kerajaan secara haram, itu yang utamanya dan perbuatan penceroboh adalah salah, tidak kiralah atas tujuan atau matlamat apa sekalipun.

Menceroboh secara haram adalah salah dan wajib dihukum secara tegas.

Isu pencerobohan tanah untuk penanaman durian secara haram sebelum ini telah dibangkitkan Ahli Parlimen Raub, Tengku Zulpuir Shah Raja Puji di Dewan Rakyat pada 23 Julai lalu.

Dianggarkan 4,400 hektar kawasan diusahakan secara haram untuk penanaman durian di Raub.

Antara kawasan dusun durian di Raub yang terabit ialah Hutan Simpan Gunung Benoma, sekitar Sungai Ruan, Sungai Chalit serta Tranum dan Tras.

Kronologinya, pada 1 Ogos lalu, Kerajaan Pahang mula mengambil tindakan tegas bagi menangani kegiatan pengusaha kebun durian di Raub yang diusahakan secara haram di atas tanah kerajaan negeri itu.

Bermula 24 Ogos lalu, kerajaan negeri menerusi Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang telah mengambil alih tanaman durian yang diusahakan secara haram itu.

Selepas tarikh tersebut, pos kawalan telah dibina dan pihak yang dibenarkan sahaja boleh memasuki kawasan terabit.

Setelah itu, isu ini dibawa ke mahkamah oleh DAP Pahang pada 28 Ogos 2020 kononnya untuk membantu 111 orang peneroka tanah haram ini.

Peliknya, adakah DAP tidak dapat membezakan antara tanah haram dengan tanah yang bergeran atau sah?

DAP jangan cuba menjernihkan yang keruh dengan memanipulasikan isu pekebun dan penceroboh tanaman haram ini.

Kerajaan negeri ada hak ke atas tanah pajakan, inikan pula tanah yang diceroboh secara haram.

Jangan jadikan alasan kononnya tanah tersebut telah diteroka sejak dahulu sebagai alasan mereka ada hak, perkara salah tetap salah.

Sebelum ini, DAP mende-

monstrasi Selamatkan Pekebun Durian oleh DAP dengan pamer gambar Yang di-Pertuan Agong bertujuan meraih simpati dan campur tangan pihak istana amatlah jelic.

DAP jadikan isu ini sebagai mainan politik murahan seperti yang dilakukan oleh ADUN Tras, Pahang Chow Yu Hui yang terlibat dalam demonstrasi tersebut.

Chow Yu Hui sebelum ini cuba mempopularkan diri dengan memfailkan permohonan mahkamah untuk membantah iklan Jawi di papan tanda pihak berkuasa tempatan (PBT) Pahang.

Rentetan kes ceroboh tanah tersebut, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah memanggil 18 pekebun untuk memberi keterangan berhubung isu tersebut pada 15 September 2020.

Walaupun bagaimanapun, Mahkamah Tinggi Kuantan telah menolak permohonan pekebun-pekebun tersebut pada 24 Disember 2020 atas dua alasan yang kukuh.

Pertama, notis-notis pengusiran yang dikeluarkan kerajaan negeri bukan merupakan

keputusan atau tindakan yang berada di bawah lingkungan semakan kehakiman.

Alasan kedua, mahkamah berpendapat bahawa pekebun tersebut merupakan penceroboh terhadap tanah-tanah yang mereka teroka berpuh-puluh tahun itu.

Oleh sebab itu, mereka tidak mempunyai locus standi atau hak di sisi undang-undang untuk memohon semakan tersebut.

Kerajaan negeri juga bertegas untuk tidak memberikan sebarang tempoh masa lagi kepada semua pekebun terabit yang meneroka tanah itu secara haram.

Akibat daripada pencerobohan tanah itu, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Dr Sallehudin Isahak memaklumkan kerajaan Pahang kerugian RM30 juta hasil cukai tanah dalam isu pencerobohan tanah untuk penanaman durian secara haram di Raub.

Menurutnya, nilai Rugi-rugi ini berdasarkan kadar terendah pajakan dan cukai tanah untuk tempoh 10 tahun.

28/12/2020

HARAKAH

PERIKATAN
NASIONAL

H18

Sektor pertanian nadi utama rakyat

IPOH: Belanjawan Perak 2021 dianggap mampu membangunkan lagi sektor pertanian, perladangan dan industri makanan di negeri itu.

Anggota Exco kerajaan negeri Razman Zakaria berkata, terdapat banyak inisiatif yang disediakan dalam belanjawan tersebut mencakupi pelbagai inisiatif menarik.

Antaranya kata beliau sebanyak RM58.3 juta bagi membangunkan sektor pertanian.

Selain itu sebanyak RM41.7 juta diperuntuk bagi perbelanjaan mengurus manakala sebanyak RM16.8 juta untuk pembangunan Jabatan Pertanian turut menerima peruntukan belanjawan RM24.2 juta dan pembangunan RM8 juta yang dikhususkan bagi pembangunan industri tanaman, peningkatan

teknologi pertanian, pembangunan modal insan dan pembangunan industri asas tani.

"Bagi tujuan pembangunan nan temakan kerajaan negeri memperuntuk RM22.5 juta kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar," katanya di sini baru-baru ini.

Belanjawan yang dibentangkan Menteri Besar, Dato' Saarani Mohamad turut memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta untuk pembangunan padang ragut di seluruh Perak.

Di samping itu sebanyak RM2.3 juta bagi pengeluaran daging kambing dan bebiri. Manakala RM1 juta untuk industri lembu pedaging dan ternakan rusa. Razman yang juga Pesuruhjaya PAS Perak berkata, di bawah kerangka baharu sekarang, beliau diamankan sebagai Pengerusi Jawatankuasa

Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan.

"Terima kasih diucapkan kepada Menteri Besar di atas kepercayaan yang diberi kepada saya untuk memikul amanah ini."

"Saya beranggapan inilah peluang dan masa untuk kita menggembelng tenaga dan keringat serta memerah idea demi berkhidmat untuk negeri tercinta," ujarnya.

Menurutnya juga sektor pertanian, perladangan dan industri makanan sangat penting kepada sesebuah negeri kerana ia menjadi nadi utama rakyat.

Seorang lagi ADUN PAS iaitu Ustaz Mohd Akmal Kamarudin pula dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau.

Sementara itu di majlis lain Razman menganjurkan



SENARAI PORTFOLIO AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



Saf anggot Exco kerajaan Perikatan Nasional Perak.

perjumpaan bagi menyantuni golongan Assabiqun Perak di kediamannya di Kampung Sungai Rapat Ipoh.

Program itu dihadiri wakil-wakil Assabiqun dari seluruh di Perak. Turut diadakan munajat Turut hadir Timbalan Pesuruhjaya PAS Ustaz Misbahul Munir Masduki dan Pengerusi Assabiqun Perak Ustaz Salleh.



Sebahagian Assabiqun yang hadir pada perjumpaan di rumah Razman Zakaria.

Pusat kuarantin Covid di SUKPA ditutup